**Tubuh BPS selaras usaha kepolisan komuniti** MS 5



**Parkir petak OKU, kompaun RM100** MS 25



PERCUMA

# buletin Mutiara




www.buletinmutiara.com

**16 – 30 NOVEMBER 2015**

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Laporan Ketua Audit Negara puji lebihan kewangan P. Pinang - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



**KEMESRAAN Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (depan, berbaju jingga) memperoleh perhatian barisan Exco dan pimpinan Kerajaan Negeri selepas selesai pembentangan Bajet 2016 negeri pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13 di DUN di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melahirkan rasa yakin bahawa Kerajaan Negeri mampu mengekalkan rekod surplus saban tahun sejak 2009 hingga 2013, semasa Penyata Kewangan ditutup pada 31 Disember nanti.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas mengenai Bajet 2016 Pulau Pinang yang keseluruhannya berjumlah RM1,105.65 juta, dengan unjuran defisit yang lebih besar berbanding belanjawan tahunan 2015.

"Apabila Penyata Kewangan ditutup, angka sebenar (iaitu) sama ada lebihan atau kurangan kewangan itu adalah lebih penting, berbanding satu-satu anggaran belanjawan yang mengamalkan defisit.

"Janganlah kita risau dengan anggaran defisit ini kerana Laporan Ketua Audit Negara merekodkan bahawa Kerajaan Pulau Pinang tiap-tiap tahun ada lebihan kewangan.

"Pada (Penyata Kewangan) hujung tahun inipun, saya akan cuba memastikan rekod lebihan kewangan tiap-tiap tahun akan dikekalkan," katanya pada sidang media sempena Majlis Peluncuran Buku *Penang The Fourth Presidency of India 1905-1830, Volume 2: Fire, Spice And Edifice*, karya Marcus Londong di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Tebatan Banjir dan Pengurusan Lalulintas merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota, Chow Kon Yeow.

Guan Eng berkata demikian bagi mengulas pembentangan Bajet 2016 negeri pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13 di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini sebelum ini.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, amalan tender terbuka dengan jaminan sebut harga serta keuntungan kompetatif yang diamalkan Kerajaan Negeri diharap mampu memperoleh lebihan kewangan semasa Penyata Kewangan ditutup nanti.

"Mengapa Kerajaan Persekutuan mengamalkan (bajet) defisit dan kurangan pada angka sebenar (dalam penyata kewangan), kerana mereka mengamalkan tender 'abang adik' (secara rundingan tertutup), sedangkan kita (Kerajaan Negeri) mengamalkan tender terbuka.

"Apabila pembida saling bersaing (melalui tender terbuka), kita (Kerajaan Negeri) akan mendapat sebut harga terbaik," jelas beliau yang juga ADUN Air Putih.

Memetik rekod Laporan Ketua Audit Negara 2013, rekod kewangan negeri Pulau Pinang mempunyai surplus sebanyak RM1,283.35 juta, RM1,184.45 juta (2012), RM1,128.06 juta (2011), RM1,128.66 juta (2010) dan RM1,098.02 juta (2009).

"Lebihan kewangan Kerajaan Negeri tiap-tiap tahun turut dipuji dalam Laporan Ketua Audit Negara (2013)," ujar Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Terdahulu, Guan Eng mencadangkan Bajet 2016 keseluruhannya sebanyak RM1,105.65 juta, iaitu pertambahan RM112.83 juta atau 11.36 peratus, berbanding anggaran belanjawan bagi tahun 2015, RM992.82 juta.

Gambarannya, Bajet 2016 mengalami defisit RM292.13 juta.

"Jangkaan defisit ini bertambah sebanyak RM61.82 juta berbanding dengan defisit tahun 2015 yang sejumlah RM230.31 juta.

"Namun, mengambil kira janji Kerajaan Negeri yang akan sentiasa berusaha dan berikhtiar untuk melonjakkan pembangunan negeri," katanya.

Lagipun, Guan Eng memberitahu, bajet defisit yang dicadangkan pada kali ini adalah demi memastikan kesejahteraan dan kepentingan rakyat senantiasa dijamin.

Tuntas itu, beliau menyatakan bahawa anggaran defisit atau kekurangan RM292.13 juta yang dijangka dalam Bajet 2016 akan dibiayai oleh Simpanan Terkumpul Negeri dengan berbaki sebanyak RM880.75 juta pada akhir tahun 2014.

Dalam perkembangan lain, difahamkan, Kerajaan Pusat turut mengamalkan belanjawan defisit selama 18 tahun sejak 1998, dan tiap-tiap tahun mengalami defisit yang sebenar semasa Penyata Kewangan ditutup pada 31 Disember tiap-tiap tahun sehingga kini.

*(Lagi berita di muka surat 2 & 3).*

# Tambakan laut : BN lulus 3,241 ekar berbanding PH hanya 60 ekar

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu bahawa hanya 60 ekar kawasan penambakan laut diluluskan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang sepanjang lapan tahun pentadbiran sejak 2008.

Jelas beliau, jumlah keluasan itu, jauh berbeza jika dibandingkan semasa Pulau Pinang di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN) selama 50 tahun sebelum 2008.

"Kerajaan Negeri hanya meluluskan 60 ekar tanah kawasan tambakan laut bagi dua projek pembangunan bercampur termasuk pembinaan sebuah kompleks sukan moden bertaraf antarabangsa untuk kegunaan awam.

"Kita (Kerajaan Negeri PH) hanya meluluskan 60 ekar tanah sahaja untuk tambakan laut berbanding BN yang meluluskan 3,241 ekar tanah termasuk 744 ekar tanah yang telah ditebus guna untuk tujuan pembangunan sehingga kini. Lampiran A.

"Saya tidak faham kenapa nak riuh rendah dan membuat fitnah terhadap Kerajaan Negeri kini mengenai isu ini, sedangkan mereka (BN) lebih banyak meluluskan penambakan laut tanpa menyediakan kemudahan asas kepada rakyat," katanya pada majlis sidang media pengumuman awal Festival George Town 2016 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Sdn. Bhd. Dato' Ir. Jaseni Maidinsa dan Pengarah Festival, Joe Sidek serta beberapa wakil penaja Festival George Town 2016.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu bahawa selain 35 ekar tebus guna tanah di Bayan Mutiara, Kerajaan Negeri turut menebus guna 24.79 ekar tanah di Bayan Bay bagi pembinaan 2,100 unit perumahan di atas tanah seluas 11.79 ekar, manakala 11 ekar sebagai rizab Kerajaan dan kegunaan infrastruktur (2 ekar).

"Bagi kelulusan di Bayan Bay, sebuah kompleks sukan moden bertaraf antarabangsa akan dibangunkan untuk kegunaan awam yang dilengkapi dengan velodrom pertama di kawasan Utara Semenanjung dan sebuah kolam renang bertaraf dunia.

"Ini termasuk sebuah padang bola sepak terbuka untuk kegunaan orang awam di negeri ini," jelas beliau.

## Jadual pecahan tebus guna tanah:

**(a). Tanah yang telah ditebus guna semasa Kerajaan Barisan Nasional (BN) :**

| Bil | Lokasi | Keluasan | Kegunaan | Pemaju | Status Tanah |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Tanjung Tokong Fasa 1 | 249.60 ekar | Pembangunan bercampur kediaman, perniagaan, kemudahan masyarakat, utiliti dan kawasan lapang. | Pemilik : Tanjung Pinang Development Sdn Bhd<br>Pemaju : E & O Development Sdn Bhd | Pemberian Milik / Pegangan Bebas |
| 2 | Jelutong | 263.1 ekar | Pembangunan Bercampur kediaman, perniagaan, kemudahan masyarakat, utiliti dan kawasan lapang. | Pemilik : Jelutong Development Sdn Bhd<br>Pemaju : IJM Land Sdn Bhd | Pemberian Milik / Pegangan Bebas |
| 3 | Lebuh Maccallum, Daerah Timur Laut | 61.80 ekar | Pembangunan Bercampur, Kediaman | Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) | Pemberian Milik |
| 4 | Tanjung Tokong, Daerah Timur Laut | 54.0 ekar | Pembangunan Bercampur, Kediaman | UDA Holding Berhad | Pemberian Milik |
| 5 | Bagan Luar, Daerah Seberang Perai Utara | 115.65 ekar | Pembangunan Bercampur, Cargo Terminal | Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang | Pemberian Milik |

**(b). Tanah Tebus Guna dalam Pelan Struktur Pulau Pinang Yang Akan Ditebus Guna Selepas Diluluskan Oleh Kerajaan BN**

| Bil | Lokasi | Keluasan | Kegunaan | Pemaju | Status Tanah |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Tanjung Tokong Fasa 2 | 891 ekar | Pembangunan Bercampur | Pemilik : Tanjung Pinang Development Sdn Bhd<br>Pemaju : E & O Development Sdn Bhd | Pemberian Milik |
| 2 | Butterworth | 650 hektar (1606 ekar) | 600 ekar – pembesaran NBCT (National Butterworth Container Terminal)<br>314 ekar – zon simpanan (future port expansion)<br>692 ekar – Pembangunan Bercampur : Rayston Consortium (Butterworth) Sdn. Bhd. | Penang Port Sdn. Bhd. | - |

**(c). Tanah tebus guna yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan**

| Bil | Lokasi | Keluasan | Kegunaan | Pemaju | Status Tanah |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Bayan Mutiara | 35 ekar | Pembangunan Bercampur | Ivory Tropicana | - |
| 2 | Bayan Bay | 24.79 ekar | Pembangunan Bercampur | Ideal Gim Ventures Sdn Bhd | - |

**LAMPIRAN A.**

## Lensa Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13.



**PIHAK media massa yang membuat liputan di lobi DUN.**



**HADIRIN yang hadir tekun mendengar perbahasan.**

# ADUN rakam penghargaan Bajet 2016 beri manfaat kepada penduduk Permatang Pauh

**GEORGE TOWN** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin merakamkan penghargaan kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng kerana mengumumkan empat projek pembangunan untuk penduduk Parlimen Permatang Pauh, semasa membentangkan Bajet 2016 Pulau Pinang baru-baru ini.

"Saya mengalu-alukan pengumuman dan setinggi-tinggi penghargaan atas keprihatinan Ketua Menteri yang komited membangunkan Seberang Jaya dan kawasan Permatang Pauh seiring dengan keperluan dan kehendak rakyat," ujarnya yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan dalam satu kenyataan di sini.

Bajet 2016 yang dibentangkan pada 6 November lepas antara lain mengumumkan peruntukan RM12 juta untuk pemajuan semula pasar awam dan medan selera Seberang Jaya di atas tapak sedia ada di Jalan Tenggiri.

Guan Eng yang juga ADUN Air Putih turut mengumumkan peruntukan RM9.43 juta pembiayaan untuk pengambilan balik tanah untuk tapak masjid, sekolah agama dan tapak perkuburan serta tapak untuk dewan orang ramai bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Permatang Pasir.

Selain itu, Bajet 2016 turut mengumumkan peruntukan sebanyak 22.47 juta untuk projek mitigasi di sekitar kawasan Parlimen Permatang Pauh, meliputi kerja-kerja pembinaan jambatan baru, rumah pam serta menaik taraf kawasan Padang Lalang, Kampung Permatang Rawa, kawasan Kampung Tanah Liat Mukim 20 dan Taman Guru.

Kerajaan Negeri pada tahun depan turut memperuntukkan RM5 juta untuk kerja-kerja penarafan Kolam Renang Awam Seberang Jaya.

Dalam perkembangan lain, Afif turut menyokong langkah Guan Eng mengumumkan pengecualian cukai pintu untuk golongan yang berpendapatan rendah membabitkan jumlah kira-kira RM11.5 juta (RM11,494,135.12).

Tambah beliau, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menyerap Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) kira-kira RM19.36 juta yang sepatutnya ditanggung oleh rakyat, sekaligus membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri.

# Rakyat lebih untung di bawah Bajet 2016 P. Pinang berbanding Pusat - Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **CHAN LILIAN**

**DATUK KERAMAT** – Bajet 2016 Pulau Pinang yang diumumkan baru-baru ini antara lain mengumumkan peruntukan sebanyak RM9.76 juta untuk pemajuan 49 skim perumahan awam, manakala, RM5 juta lain diperuntukan untuk menampung tabungan Akaun Amanah Penyelenggaraan Perumahan Kos Rendah Kerajaan Negeri.

Justeru, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, anggaran belanjawan Kerajaan Negeri kali ini dilihat lebih menguntungkan rakyat Malaysia di Pulau Pinang berbanding Bajet 2016 Kerajaan Pusat yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini.

"Pulau Pinang menyumbang cukai dalam suatu jumlah yang ketiga tertinggi kepada Kerajaan Pusat, di mana sebanyak RM6.3 bilion telah dibayar tahun lalu (2014).

"Namun, Bajet 2016 yang diumumkan oleh Perdana Menteri untuk Malaysia, benar-benar mengenepikan Pulau Pinang bukan sahaja dalam hal perumahan, bahkan dalam semua aspek," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada Majlis Graduasi dan Penyampaian Hadiah Tadika Ramakrishna Ashrama di sini baru-baru ini.

Jagdeep dalam pada itu turut mempersoal langkah Kerajaan Pusat menangguhkan pemberian peruntukan sebanyak RM117 juta untuk Projek Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang pada tahun depan, sungguhpun disebut dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dan RMK-11 baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Jagdeep memuji Kerajaan Negeri kerana mengecualikan kutipan cukai pintu bagi rumah perumahan kos rendah dan sederhana rendah pada tahun depan, demi mengurangkan lagi beban hidup rakyat.

"Jumlah terkumpul (kutipan cukai pintu kedua-dua pihak berkuasa tempatan, PBT) bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM11,494,135.12 dan saya sepenuhnya memuji negeri Pulau Pinang kerana telah mengutamakan usaha menangani isu kesusahan rakyat," jelasnya.

Dalam perkara berkaitan, beliau sekali lagi memberitahu bahawa Kerajaan Negeri memperkenalkan kategori baru Rumah Mampu Milik (RMM) berharga RM150,000 untuk pasangan yang berpendapat isi rumah kurang daripada RM6,000 sebulan.

Bajet 2016 Pulau Pinang turut mengumumkan peruntukan pembiayaan Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang (HAPPY!) sebanyak RM3 juta dan pembiayaan bersama 80:20 (80 peratus Kerajaan Negeri dan 20 peratus sumbangan penduduk/perbadanan pengurusan) bagi kerja-kerja pembaikan serta penyelenggaraan kemudahan-kemudahan asas seperti pembaikan lif, bumbung dan tangki air di rumah pangsa kos rendah serta sederhana rendah swasta (RM2.8 juta).



***POSE*** **menarik tiga graduasi.**



**JAGDEEP Singh Deo (berbaju batik jingga) bergambar kenangan bersama-sama yang bakal membuat persembahan pada Majlis Graduasi dan Penyampaian Hadiah Tadika Ramakrishna Ashrama di sini baru-baru ini.**

# Asrama pekerja asing, kini dalam proses penelitian - Exco

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Inisiatif pembinaan asrama bagi pekerja warga asing berdekatan kawasan perindustrian di negeri ini, dijangka dapat menyelesaikan masalah penempatan beribu-ribu pekerja berkenaan terutamanya yang menetap di kawasan perumahan umum.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, projek pembinaan yang dijangka bermula tahun hadapan itu kini dalam proses meneliti permohonan majikan yang berminat.

Menurutnya, pembinaan asrama berkenaan merupakan inisiatif Kerajaan Negeri melalui perkongsian awam dan swasta (PPP) dalam mewujudkan suasana lebih selesa dan kondusif bukan sahaja untuk penduduk setempat, tetapi juga pekerja warga asing.

"Saya kerap mendengar aduan daripada penduduk yang kurang selesa dan selamat dengan kebanjiran pekerja warga asing yang menyewa, terutama di taman-taman perumahan dalam lingkungan kawasan perindustrian.

"Oleh itu, saya berharap dengan adanya kemudahan asrama ini kelak, pihak majikan berkaitan disaran untuk memindahkan pekerja masing-masing dan secara tidak langsung membendung kejadian yang tidak diingini seperti salah laku moral dan jenayah," katanya pada sidang media selepas merasmikan Karnival Amal Hari Tanpa Daging Sedunia 2015 di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, sehingga kini, Kerajaan Negeri telah meluluskan garis panduan bagi pembinaan asrama terbabit dan empat pengendali telah menawarkan diri untuk terlibat dalam projek berkenaan.

"Dua daripada pengendali yang tampil telah mengemukakan perancangan masing-masing bagi asrama pekerja warga asing di Batu Maung dan Bukit Minyak.

"Walau bagaimanapun, kita (Kerajaan Negeri) masih meneliti butiran-butiran permohonan berkenaan kerana semuanya tertakluk kepada garis panduan antarabangsa yang telah diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri baru-baru ini," jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, antara syarat-syarat yang digariskan adalah pembinaan asrama hanya dibenarkan dalam lingkungan zon komersial atau perindustrian (supaya pihak pemaju tidak mengenakan pakej hartanah kediaman), setiap dua ekar (0.81 hektar) hanya 5,000 pekerja boleh ditempatkan dan setiap 800 kaki persegi akan menampung sehingga 18 pekerja asing.

"Setiap asrama ini akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk kedai runcit, kemudahan sukan dan riadah serta kemudahan klinik," jelas beliau.



# MBPP komited sedia prasarana mesra kanak-kanak



DR. Abdul Rahman Abbas (kiri sekali) sambil diperhatikan Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kiri) memotong kek sebagai menyempurnakan gimik Majlis Perasmian Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2015 di sini baru-baru ini.

Gambar : **CHAN LILIAN**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri menerusi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan terus komited dalam memastikan kehendak golongan kanak-kanak diambil kira terutamanya pada aspek penyediaan prasarana serta kemudahan di taman-taman awam dan rekreasi di negeri ini.

Perkara tersebut dinyatakan Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail sempena Majlis Perasmian Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2015 di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Patahiyah menyatakan bahawa MBPP telah membina sebuah taman permainan kanak-kanak yang mesra pengguna untuk golongan kurang upaya (OKU) dan *Digital Tagging Quick Response Code (QR Code)* yang pertama di Malaysia.



AKSI sebahagian kanak-kanak yang hadir.

"Taman kanak-kanak mesra OKU yang pertama dalam negara telah berjaya direalisasikan di Taman Bandaraya dan ia memenuhi piawaian reka bentuk universal.

"Serentak itu, ia (Taman Bandaraya) juga dilengkapkan dengan *QR Code* menerusi portal interaksi yang menyediakan pelbagai informasi berkaitan taman ini yang mana mewujudkan interaksi secara langsung dengan para pengunjung," katanya.

Hadir menyempurnakan majlis berkaitan, Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Pengerusi Majlis Perundingan Muhibbah Negeri Pulau Pinang, Tan Sri Mohd Yussof Latiff turut hadir.

Tambah Patahiyah, Taman Bandaraya mempunyai kepelbagaian pokok teduhan dan keadaan tersebut adalah amat sinonim dengan sebuah pusat rekreasi bercirikan *educational park*.

"Lebih banyak pokok-pokok teduhan terutamanya pokok nadir akan ditanam agar taman ini menjadi *educational park* yang mesra kanak-kanak dan para pelajar.

"Melalui pendekatan ini, golongan berkaitan dapat berinteraksi dengan keindahan alam semulajadi iaitu flora dan fauna yang terdapat di sini," jelas beliau.

Kira-kira 300 tetamu memeriahkan sambutan yang julung kali diadakan itu.



Mohd Najib Tun Razak @NajibRazak · Nov 1

Recently, we were named as Asia's leading travel destination & Georgetown was ranked 4th in Best in Travel 2016. Well done @TourismMalaysia!

RETWEETS 199 FAVORITES 186

6:07 PM - 1 Nov 2015 · Details

***Tweet*** **di laman *Twitter* Perdana Menteri pada 1 November lalu.**

## *Lonely Planet* iktiraf George Town lokasi karismatik ke-4 terbaik dunia

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF & ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Portal pelancongan antarabangsa, *Lonely Planet* mengiktiraf George Town di kedudukan ke-empat daripada 10 Lokasi Berkarismatik Terbaik Dunia Yang Mesti Dikunjungi Pada Tahun 2016, hingga menggamit ucapan penghargaan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sendiri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pihaknya mahu meneroka potensi kesenian dan warisan untuk dijadikan salah satu enjin ekonomi negeri, serta mengharapkan komitmen daripada Kerajaan Pusat sendiri.

"Di Pulau Pinang, kita (Kerajaan Negeri) sedang meneroka agenda pembangunan dengan berhasrat menjadikan kesenian dan warisan sebagai salah satu enjin ekonomi negeri...kerana kita (Kerajaan Negeri) meraikan kebebasan tulen.

"Sungguhpun dari segi peruntukan, langsung tidak disebutkan dalam Bajet (Pusat) 2016, namun, akhirnya membawa hasil (pengiktirafan *Lonely Planet)* kepada rakyat Malaysia yang mendiami Pulau Pinang.

"Atas sebab itu, Kerajaan Negeri senantiasa menyokong agenda pembangunan warisan dan kesenian yang dibawa oleh (agensi persekutuan) *Tourism Malaysia* sebelum ini, dengan mengharapkan kerjasama yang lebih baik daripada Kerajaan Pusat.

"Pengiktirafan *(Lonely Planet)* ini bukan sahaja akan mengharumkan nama Pulau Pinang, tetapi, nama Malaysia juga," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam baru-baru ini.

Beliau berkata demikian pada sidang media, selepas menyertai Majlis Pengumuman Hasrat Kerajaan Negeri Menganjurkan Pameran Seni Antarabangsa '*Urban Xchange*' di Hin Bus Depot di sini.

Difahamkan, laporan *Tourism Malaysia* baru-baru ini mendedahkan, jumlah pelancong ke Pulau Pinang daripada tahun 2010 hingga suku tahun pertama tahun 2015 adalah berjumlah 31 juta (31,076,737 orang).

Pada 1 November lalu, Najib 'berkicau' di laman sosial *Twitter*nya dengan menyebut, *"Recently, we were named as Asia's leading travel destination & Georgetown was ranked 4th in Best In Travel 2016. Well done @ TorismMalaysia!"*

## KM harap wacana Maqasid Syariah hakis fahaman pelampau

Gambar : **LAW SUUN TING**



KETUA Menteri berjabat tangan dengan Saifuddin Abdullah (dua dari kanan) sambil diperhatikan Dr. Afif Bahardin (kanan sekali) dan Zairil Khir Johari (dua dari kiri) pada penganjuran Forum 'Maqasid Syariah Dalam Kerangka Demokrasi Berperlembagaan' di sini baru-baru ini.

**BAYAN LEPAS –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap fahaman pelampau dapat dihakis dalam masyarakat majmuk di negara ini, melalui pendekatan wacana *Maqasid Syariah*.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Forum 'Maqasid Syariah Dalam Kerangka Demokrasi Berperlembagaan' yang dianjurkan secara bersama oleh badan pemikir negeri, *Penang Institute* (PI) dan Kumpulan Tokoh Melayu (G25) di sini baru-baru ini.

"Sama ada di peringkat nasional atau global, rakyat seringkali mengalami ketaksuban, ketidakadilan dan keganasan bukanlah kerana apa yang mereka lakukan, tetapi hanya kerana siapa mereka.

"Begitu mudah dianggap daripada pihak yang bersalah, mereka dianiaya, dicerca dan didiskriminasikan.

"Untuk meraikan kepelbagaian dan memahami antara satu sama lain, bolehlah saya mencadangkan 3D (iaitu) kepelbagaian, demokrasi dan dialog.

"Forum ini berfungsi untuk menyedarkan kita kepada Perlembagaan Persekutuan dan Perundangan Syariah, dan yang lebih penting adalah implikasi pada politik Islam serta proses Islamisasi yang dilaksanakan dalam masyarakat majmuk," katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih di sini baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan), Zairil Khir Johari (Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif PI) serta Datuk Saifuddin Abdullah (bekas Timbalan Menteri Pengajian Tinggi) dan Datuk Noor Farida Ariffin (Pemimpin G25) turut hadir pada majlis tersebut.

Datuk Latifah Merican Cheong, Datuk Noor Farida Ariffin, Datuk Nazir, Datuk Anwar Fazal, Datuk Dr. Sharom Ahmat, Dr. Dzulkefly Ahmad, Tan Sri Mohd. Sheriff Mohd. Kassim (bekas Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan) antara tokoh yang turut sertai forum tersebut.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng berpendapat bahawa budaya ketaksuban sama ada atas nama agama atau bangsa, akhirnya hanya akan mengalih tumpuan rakyat pada isu sebenar, iaitu mengenai kepincangan dalam tadbir urus kewangan serta amalan rasuah.

"Apa sudah jadi pada nilai-nilai kita yang benar dan salah, apabila dipersoalkan sesuatu yang meragukan akan dipersalahkan dan terpaksa disoal siasat serta dihukum kerana bertanya daripada mana datangnya AS$700 juta ke akaun peribadi seseorang, serta bagaimana ia dibelanjakan," sindir Guan Eng.

*Maqasid Syariah*, adalah salah satu disiplin ilmu Islam yang membincangkan mengenai tujuan, natijah dan maksud sebenar yang dikehendaki syarak, berdasarkan dalil Al-Quran dan Al-Hadith.




BARISAN panel yang menjayakan penganjuran.

# Pampasan STP2, KN tambahbaik syarat kerajaan dulu

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri yang 'mewarisi' Projek Seri Tanjung Pinang Fasa 2 (STP2), Tanjung Tokong daripada Kerajaan Negeri terdahulu berjaya menambahbaik bayaran pampasan serta syarat-syarat yang ditetapkan sebelum ini terutamanya membabitkan golongan nelayan berlesen dan awak-awak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek tersebut 'diwariskan' daripada kerajaan sebelum ini kepada Kerajaan Negeri kini dan dimasukkan di dalam Struktur Pelan Negeri secara perundangan.

“Setelah mempertimbangkan rayuan munasabah beberapa nelayan, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) telah memutuskan bahawa nelayan-nelayan tersebut patut disenaraikan sebagai penerima saguhati berkelayakan.

“Seramai 14 nelayan yang masih aktif masing-masing diberikan saguhati bernilai RM15,000, 17 nelayan berlesen yang tidak aktif (RM7,500).

“Bagi 13 awak-awak, lapan dalam kalangan mereka masing-masing menerima RM2,000 dan selebihnya, yang berlesen tetapi tidak aktif (RM 1,000),” katanya pada Majlis Penyampaian Bayaran Saguhati Ke-2 Kepada Nelayan Terlibat Dengan STP2 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Datuk Abu Jamal Nordin, Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Sr. Rozali Mohamud dan wakil pihak pemaju, Pengurus Besar E&O, Zawawi Yusop.

Pada majlis berkaitan, sejumlah RM358,500 diagihkan kepada 44 nelayan dan awak-awak berkaitan.



KETUA Menteri, Dr. Afif Bahardin (barisan depan, kanan sekali) dan Zairil Khir Johari (barisan depan, dua dari kanan) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan dengan kumpulan nelayan serta awak-awak yang hadir menerima sumbangan pada Majlis Penyampaian Bayaran Saguhati Ke-2 Kepada Nelayan Terlibat Dengan STP2 di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, Julai lalu, seramai 116 nelayan dan 56 awak-awak telah menerima bayaran saguhati penyerahan pertama sebagaimana ditetapkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

“Pembayaran yang dibuat oleh E&O tersebut adalah berjumlah RM1.85 juta.

“Ini bermakna, secara keseluruhan, bayaran dibayar adalah berjumlah RM 2.2 juta,” jelas beliau.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1.6 juta dalam Bajet 2015 bagi tujuan sumbangan pukat dua kali setahun kepada golongan nelayan berdaftar dengan LKIM di seluruh Pulau Pinang.

“Bantuan pukat siri pertama telah diberikan pada bulan Mei yang mana melibatkan 3,186 nelayan dengan jumlah pemberian RM531,759.65.

“Bagi (bantuan pukat) siri kedua, sejumlah RM557,439.50 akan diberikan kepada 3,121 orang nelayan pada November ini,” jelas beliau.

## Tubuh BPS bawah JKKK adalah kepolisan komuniti – KM

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini mengumumkan penubuhan Badan Peronda Sukarela (BPS) secara langsung di bawah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK).



DUA anggota BPS memperagakan uniform badan berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, peranan BPS selaras dengan usaha kepolisan komuniti *(community policing)* yang digalakkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), untuk menyokong pasukan keselamatan terbabit mengurangkan jenayah di negeri ini.

"Badan Peronda Sukarela (BPS) merupakan badan penting yang merupakan benteng pertama dalam tugas penyelamat dan pencegahan cepat yang ditubuhkan di bawah Biro Kebajikan, Perpaduan dan Perhubungan Masyarakat.

"Ini, selaras dengan prinsip 'orang tempatan adalah penjaga keselamatan yang paling baik'," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih pada sidang media pengumuman penubuhan BPS di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I merangkap ADUN Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Phee Boon Poh (Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar).

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan turut diminta memberi maklum balas mengenai status perbicaraan Pasukan Peronda Sukarela (PPS), yang masih dalam proses semakan penghakiman di mahkamah.

"PPS masih dalam tindakan mahkamah, maka, saya tak mahu memberikan komen mengenai perkara ini.

"Yang penting adalah usaha kita untuk memastikan jaminan keselamatan komuniti dengan penglibatan orang ramai menerusi JKKK dalam menjaga keselamatan dalam kampung masing-masing," jelas beliau.

Difahamkan, Kerajaan Negeri pada awal tahun ini mengfailkan semakan penghakiman berhubung pengumuman Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi (kini dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri) yang menyebut PPS sebagai pertubuhan haram, di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang.

Pada 4 November lepas, Ahmad Zahid mengumumkan PPS sebagai pertubuhan haram, serta mengarahkan aset rasmi pasukan sukarelawan tersebut dirampas.

Pada 26 Ogos tahun lalu, Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Khalid Abu Bakar mendakwa bahawa kewujudan PPS adalah bersalahan dengan undang-undang, kerana tidak pernah ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966.

Dakwaan itu, selepas insiden ahli perniagaan Ong Eu Soon, 51, mengaku diserang oleh dua lelaki berpakaian seragam PPS di Air Itam sebelum itu.

Guan Eng menegaskan, PPS ditubuhkan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, sebagaimana amalan menubuhkan JKKK di Pulau Pinang dan di negeri-negeri lain.

Seramai 157 anggota PPS kemudiannya ditahan pada 31 Ogos tahun lalu sejurus selesai menyertai perarakan Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri di Padang Kota Lama di sini, sebelum direman semalaman di dalam lokap polis.

Guan Eng kemudiannya mengumumkan keputusan rasmi Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri, iaitu 'merehatkan' keseluruhan operasi PPS sehingga ada deklarasi daripada mahkamah.

## TKMI harap 'situasi menang-menang' dicapai di Bayu Nyaman

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **CHAN LILIAN**

**BAYAN LEPAS –** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berharap 'situasi menang-menang' boleh dicapai secara bersama dalam rundingan antara peneroka bandar berwajib dan Hunza, selaku tuan tanah serta pemaju projek Bayu Nyaman di sini.

“Saya berharap masing-masing dapat mencapai apa yang dihajati, secara 'situasi menang-menang',” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak pada Majlis Meninjau Struktur Bangunan Perumahan Projek Bayu Nyaman Siap Sampai Ke Bumbung *(Topping Out)* di sini baru-baru ini.

Pengarah Urusan Hunza Properties Berhad (Hunza), Khor Siang Gin dan Gee Su Lyn (Pengarah Hunza Reality Sdn. Bhd.) turut berucap pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Pengasas Hunza, Datuk Seri Khor Teng Tong serta anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) bagi Sungai Nibong Kechil dan Sungai Nibong Tengah.



MOHD. RASHID HASNON (bersampin) bersama-sama wakil Hunza dan pemimpin penduduk setempat pada Majlis Meninjau Struktur Bangunan Perumahan Projek Bayu Nyaman Siap Sampai Ke Bumbung *(Topping Out)* di sini baru-baru ini.

Difahamkan, Hunza membeli sebidang tanah tanah berkeluasan 43 ekar, meliputi kawasan kampung Sungai Nibong Kechil dan Sungai Nibong Tengah pada enam tahun lalu untuk pemajuan perumahan mampu milik setinggi 28 tingkat.

Hasil rundingan sehingga kini, kira-kira 730 daripada 823 pemilik rumah di kedua-dua kampung berkenaan telahpun menerima pampasan pelbagai jenis daripada Hunza.

Baki terdapat 60 pihak lagi yang masih belum membuat pilihan, sama ada menerima pampasan berupa wang tunai atau 'rumah ganti rumah' daripada Hunza.

Bagi yang memilih pampasan 'rumah ganti rumah', mereka ditawarkan jenis rumah kluster atau rumah pangsa kos rendah di Bertam atau rumah kos rendah di Bayu Nyaman sendiri.

“Rumah kos rendah Bayu Nyaman ini sememangnya bersaiz rumah kos sederhana rendah.

“Ini bermakna, penduduk bernasib baik kerana diberi peluang untuk memilih rumah di dalam pulau ataupun di Bertam (dekat Seberang Perai Utara, SPU).

“Ini merupakan pakej pampasan yang baik dan bersesuaian di Pulau Pinang,” jelas Mohd. Rashid di depan lebih 100 tetamu serta penduduk setempat.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohd. Rashid menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri melalui kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) hanya akan meluluskan sebarang pelan kebenaran merancang pembangunan yang dimohon oleh pemaju atau tuan tanah, sekiranya mengambil kira tuntutan yang wajar daripada penduduk berwajib.

Amalan Kerajaan Negeri ini, menurut beliau, adalah demi mewujudkan 'situasi menang-menang' dalam satu-satu rundingan membabitkan tuan tanah, pemaju dan penduduk berwajib.

# Longgar syarat pinjaman pembeli RMM - seru Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**SEBERANG JAYA** – Kuasa membeli hartanah mencecah jutaan ringgit di negeri ini bukanlah gambaran sebenar mengenai kemampuan mereka yang buat kali pertama mahu memiliki Rumah Mampu Milik (RMM) dengan memohon pinjaman perumahan daripada pihak bank.

Justeru, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berharap Bank Negara Malaysia (BNM) dapat mempertimbang syor melonggarkan syarat pinjaman perumahan kepada golongan sasaran berwajib.

"Selalu saya katakan bahawa kita (kerajaan) tidak boleh membandingkan seseorang pembeli Rumah Mampu Milik dan pembeli perumahan biasa yang bernilai jutaan ringgit.

"Apa gunanya sebuah kerajaan menyediakan Rumah Mampu Milik, termasuk rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah, sekiranya golongan sasaran yang sebenar tidak mampu memilikinya kerana permohonan mereka ditolak oleh pihak bank.

"Masalah yang saya bangkitkan ini bukanlah masalah terpencil di Pulau Pinang, tetapi, masalah sebenar majoriti rakyat Malaysia," jelasnya semasa merasmikan Ekspo Hartanah & Pelaburan Kali Ke-3 2015 di sini baru-baru ini.

Agensi Kerajaan Negeri, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) antara 20 pihak pemaju yang membuka pameran perumahan dan hartanah pada ekspo yang berlangsung pada 16 hingga 18 Oktober lalu.

Menurut Jagdeep, kadar penolakan pemohonan pinjaman perumahan untuk memiliki RMM oleh pihak bank adalah setinggi 70 peratus, sebagaimana didedahkan dalam kaji selidik Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), serta, dipersoal Persatuan Pembeli Rumah (HBP) baru-baru ini.

Dalam perkembangan sama, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat sekali lagi memberitahu bahawa Kerajaan Negeri melalui Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sendiri sebenarnya berhasrat mengadakan perbincangan lanjut dengan Gabenor BNM, Tan Sri Dr. Zeti Aziz atau Penolong Gabenornya, Abu Hasan Alshari Yahaya mengenai syor melonggarkan syarat pinjaman perumahan perbankan untuk pembeli RMM kali pertama terbabit sesegera mungkin.




**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) saling berbincang dengan wakil pemaju dan pegawai PDC mengenai rancangan pembangunan perumahan Bandar Cassia, Batu Kawan semasa sesi lawatan ke gerai-gerai Ekspo Hartanah & Pelaburan Kali Ke-3 2015 di sini baru-baru ini.**

## Peruntukan bina rumah baru menerusi Projek Khas Ekonomi naik

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**SALAH seorang penerima peralatan bantuan perniagaan.**

**PENAGA** – Peruntukan membina rumah baru di bawah program Bantuan Rumah menerusi Projek Khas Ekonomi MMK Pembangunan Desa dinaikkan dari RM35,000 bagi tahun lalu kepada RM40,000 (2015) untuk memastikan keadaan unit kediaman yang dibina adalah lebih lengkap dan sempurna.

Malah, bagi rumah yang dibaiki pula, peruntukan dinaikkan kepada RM15,000 pada tahun ini berbanding RM11,000 (2014).

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin pada Program Jelajah Desa 2015 Daerah Seberang Perai Utara (SPU) anjuran Projek Khas Ekonomi MMK Pembangunan Desa di sini baru-baru ini.

Afif memberitahu, peruntukan bantuan untuk tahun ini dinaikkan sebagai usaha Kerajaan Negeri menjaga kesejahteraan rakyat dan membantu mereka yang memerlukan.

"Peningkatan ini adalah bagi membolehkan penerima menerima rumah ini dalam keadaan yang sempurna dan lebih lengkap tanpa membuat apa-apa penambahan selepas ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Turut sama, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) SPU, Hakmal Effendi Ishak, Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah SPU, Saiful Rizan Sanusi, Penolong Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan), Muhamad Fariz Osman, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bertam, Asrol Sani Abdul Razak dan PPK Pinang Tunggal, Muhasdey Muhammad.




**DR. Afif Bahardin (tiga dari kanan) sambil ditemani Asrol Sani Abdul Razak (dua dari kiri) dan Muhasdey Muhammad (tiga dari kiri) menyerahkan replika kunci rumah sebagai menyempurnakan gimik penyampaian kunci rumah kepada salah seorang penerima pada Program Jelajah Desa 2015 Daerah SPU di sini baru-baru ini.**

Sempena program berkaitan, seramai lima penerima terpilih menerima serahan kunci rumah di bawah Program Bantuan Rumah oleh Kerajaan Negeri.

Malah, seramai 10 usahawan terpilih turut menerima bantuan peralatan perniagaan sebagai usaha Kerajaan Negeri membantu meningkatkan pendapatan penduduk di negeri ini.

Menurut Afif, sehingga kini, bagi Daerah SPU, sebanyak 12 rumah telah dibina dan disiapkan dan dibaiki untuk fasa pertama (9).

"Sebanyak 12 rumah baru dan 14 rumah untuk dibaikpulih sedang diuruskan untuk fasa kedua sebelum berakhir tahun ini," ujar beliau.

# Mitigasi 'Bukit Botak' jangka siap Jan. 2016 – Exco


GAMBAR fail kolam enapan yang sedang dibina pada projek mitigasi di Bukit Relau atau 'Bukit Botak' demi mengurangkan risiko hakisan tanah atau limpahan air di sini.

**GEORGE TOWN –** Kerja-kerja mitigasi di Bukit Relau yang lebih dikenali sebagai 'Bukit Botak' diteruskan semula sejak Julai lalu dan projek kehijauan tersebut dijangka siap sepenuhnya pada Januari tahun depan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, kerja-kerja mitigasi yang dilakukan antaranya adalah menanam pokok dan rumput, membina kolam enapan dan membina sistem parit, demi mengelak bencana seperti limpahan air atau risiko hakisan tanah daripada berlaku.

"Memang kalau dari Jambatan Pulau Pinang, nampak kawasan 'Bukit Botak' itu menjadi semakin botak, tetapi, sebenarnya itu adalah kerja mitigasi yang sedang dijalankan.

"Sepatutnya ia siap (pada) Disember ini, tetapi, agak terlewat sedikit berikutan jerebu dan musim hujan, jadi kami jangkakan, ia siap sepenuhnya pada Januari depan," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, kerja-kerja meledakkan batu-batu di kawasan bukit tersebut untuk tujuan mitigasi sendiri memerlukan permit berwajib daripada Jabatan Mineral dan Geosains serta Polis Diraja Malaysia (PDRM).


SISTEM perparitan yang dibina.

Akibatnya, Kon Yeow berkata, kesukaran melakukan kerja-kerja mitigasi di kawasan-kawasan berbatu serta berkecerunan tinggi mengakibatkan beberapa bahagian gondol di bukit tersebut dapat dilihat daripada pemandangan Jambatan Pulau Pinang.

Beliau bagaimanapun menjelaskan bahawa kerja-kerja mitigasi yang telahpun dilaksanakan sebelum ini telah 30 peratus siap, serta mampu meminimumkan risiko hakisan tanah akibat aktiviti penggondolan bukit sejak pertengahan tahun 2013.

Terdahulu, isu penggondolan sekitar Bukit Relau telah mendapat bantahan banyak pihak kerana dilihat bercanggah dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020.

Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang yang diwartakan pada 28 Jun 2007 itu antara lain melarang pembangunan di kawasan melebihi 76.2 meter (250 kaki) dari paras laut dan di cerun dengan kecerunan melebihi 25 darjah.

Isu 'Bukit Gondol' itu turut dibahaskan secara serius di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, tahun lalu.

Menurut Kon Yeow, syarikat yang terbabit dalam aktiviti penggondolan Bukit Relau itu turut dirujuk ke mahkamah, selain mengarahkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) (kini dikenali sebagai Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) mengambil langkah perundangan ke atas pemilik tanah Cangkat Bukit Gambir, yang didakwa memugar tanah persendirian itu tanpa kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT).

# Segera mohon MyGAP untuk pasar hasil tani komersial

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Petani, peladang dan penternak di negeri ini digesa segera memohon Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) di Jabatan Pertanian Negeri, supaya hasil masing-masing boleh dipasarkan dengan lebih komersial kelak.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Pertanian, Dr. Afif Bahardin berkata demikian pada Majlis Penyampaian Sijil MyGAP dan MyORGANIC 2015 di sini baru-baru ini.

"Tahun 2014, kita (Pulau Pinang) menerima 42 sijil, kalau saya, saya minta 80 sijil MyGAP dan MyORGANIC (Skim Pensijilan Organik Malaysia) tahun ini.

"Segala usaha sedang berjalan dan kita (Kerajaan Negeri) berharap dapat dicapai seramai 60 penerima sijil MyGAP dan MyORGANIC pada kali ini," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada majlis berkaitan.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pertanian Negeri yang dipilih menerima Anugerah Pengurusan MyGAP & MyORGANIC ketiga terbaik selepas negeri Selangor dan Johor, sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-110 Jabatan Pertanian Peringkat Kebangsaan baru-baru ini.


MOHD. Fazli Zakaria.

Sebelum itu, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Ahmad Munir Yusoff berkata, mereka yang mempunyai sijil MyGAP dan MyORGANIC sahaja boleh menjalankan urusan pemasaran hasil masing-masing secara rasmi.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahmad Munir memberitahu bahawa pihaknya merancang untuk membuat integrasi pertanian membabitkan jenis pokok kelapa pandan serta pokok cili memandangkan kedua-dua hasil pertanian itu kini menerima permintaan yang tinggi dalam pasaran domestik sendiri.

"Kawasan-kawasan yang ada koko, kita akan cuba tanamkan pokok kelapa pandan kerana kebanyakan kelapa pandan ini kita masih banyak import.

"Kedua, tanam cili di tepi rumah, saya sasar satu kampung ada 1,000 pokok dalam satu kampung. Kalau enam kampung ada 6,000 pokok.

"Bayangkan, kalau kita tuai satu pokok cili ada segenggam, maka ada 6,000 genggam, kalau begini baru kita boleh pasar, tak boleh kita cakap sahaja," seru beliau di depan lebih 50 hadirin dan penerima sijil MyORGANIC.

Sementara itu, salah seorang penerima, Mohd. Fazli Zakaria, 33, yang ditemui memberitahu bahawa beliau memperoleh sijil MyGAP sejak tahun 2014 dan pengiktirafan kali ini adalah yang kedua.

"Sijil ini ada perakuan kita untuk pengguna bahawa hasil pertanian kita adalah selamat untuk dimakan.

"Untuk mendapat pensijilan MyGAP atau MyORGANIC ini, hasil pertanian kita akan dibawa masuk ke makmal untuk dikenalpasti bebas daripada sebarang racun," ujarnya yang merupakan pengusaha ladang sayur-sayuran dekat Ara Kuda seluas lima ekar kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.


DR. Afif Bahardin (barisan belakang, enam dari kiri) merakam gambar dengan penerima-penerima sijil MyGAP dan MyORGANIC pada majlis penyampaian sijilnya di sini baru-baru ini.




# RM2.2 juta laksana Bantuan Projek Khas Ekonomi 2015 untuk rakyat

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



**ABDUL Raif Abdul Halim.**

**BALIK PULAU –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu bahawa sejumlah RM 2.2 juta diperuntukan Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan program Bantuan Projek Khas Ekonomi pada tahun ini.

Katanya, agihan dan pecahan adalah berdasarkan keperluan dan permintaan bagi setiap daerah yang berbeza.

"Projek bantuan khas ini meliputi dua jenis bantuan, iaitu bantuan bina baru dan baiki serta bantuan peralatan perniagaan," beliau berkata demikian pada penganjuran Program Jelajah Desa Daerah Barat Daya (DBD) 2015 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Penolong Pegawai Daerah DBD, Syamsul Fitry Ahmad, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, PPK Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid dan ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Sebanyak lima kawasan kampung di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Betong dilawati sepanjang 'jelajah' berkenaan yang meliputi satu projek bina rumah baru, baiki rumah (2) dan pemberian bantuan peralatan (6).

Menurut Afif, program jelajah tahunan kali kedua tersebut diadakan untuk membantu golongan kurang mampu di kawasan pedalaman termasuk bantuan rumah dan peralatan perniagaan bagi membolehkan golongan berkaitan menambah pendapatan sedia ada melalui inisiatif keusahawanan.

Bagi bantuan bina baru, Afif memberitahu, sejumlah RM160,000 diperuntukan membabitkan empat projek di daerah berkaitan, diikuti enam projek baiki rumah (RM 84,550) dan 31 bantuan peralatan perniagaan (RM56,279).

Dalam pada itu, bagi salah seorang penerima bantuan baiki rumah, Abdul Raif Abdul Halim, 50, ketika ditemui ternyata terharu dengan sumbangan yang diterimanya menjelang Aidilfitri lalu.

"Tak tahu nak cakap macam mana. Hanya mampu melahirkan rasa syukur bila ada pihak yang datang dan sudi bantu baiki bumbung rumah saya yang uzur.

"Jikalau nak harapkan tukar (bumbung) sendiri, kosnya agak tinggi dan membebankan," jelasnya yang hanya bekerja kampung sebagai nelayan dan tukang.



**DR. Afif Bahardin (tiga dari kiri) menyerahkan replika kunci kepada salah seorang penerima, Nor Asfariza Mohd. Nor sebagai simbolik penerimaan sumbangan bantuan bina rumah baru sempena Program Jelajah Desa DBD 2015 di Balik Pulau baru-baru ini.**

## KAJI SELIDIK MENGENAI KEBERKESANAN DASAR KAPIT RODA/TUNDA KENDERAAN DI PULAU PINANG




**SUKACITA** dimaklumkan bahawa Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPP sedang melaksanakan Kaji Selidik Keberkesanan Dasar Kapit Roda / Tunda Kenderaan di Pulau Pinang. Kaji selidik ini diadakan bagi mendapatkan reaksi serta maklum balas daripada seluruh rakyat Pulau Pinang berkaitan dasar yang telah dilaksanakan selama ini.

Sebagai makluman, kaji selidik ini terbuka kepada seluruh rakyat Pulau Pinang bermula sekarang sehingga 18 Disember 2015.

Sehubungan dengan itu, semua adalah dijemput untuk menyertai kaji selidik ini melalui *https://www.surveymonkey.com/r/kapitroda* atau terus ke Portal Kerajaan Negeri.

# ZPP lancar kempen Bulan Berzakat, harap pungutan tahunan cecah RM90 juta



**MOHD. Salleh Man (lima dari kiri) dan Azman Abdul Samat (empat dari kiri) menunjukkan kad elektronik pasca bayar *'Tough N Go'* dengan contoh paparan mesej promosi bersama-sama wakil-wakil dari Rapid Penang pada Majlis Pelancaran Bulan Berzakat dan Kempen Zakat di sini baru-baru ini.**

**SEBERANG JAYA –** Kempen Bulan Berzakat dalam tempoh tiga bulan terakhir bagi tahun ini diharap dapat melonjak jumlah pengutan zakat sehingga mencecah RM90 juta.

Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang (ZPP), Azman Abdul Samat berkata, seruan berzakat pada iklan di bahagian luar lapan bas syarikat Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang) serta paparan mesej promosi pada sejumlah kad elektronik pasca bayar *'Tough N Go'* dilaksanakan sepanjang tempoh kempen kali ini.

"Ini untuk mendekatkan ZPP dengan golongan penyumbang zakat.

"Pada tahun lepas (2014), kira-kira 56,000 pembayar zakat dan kita (ZPP) berharap jumlah pungutan kali ini melebihi RM90 juta," jelasnya selepas menyertai Majlis Pelancaran Bulan Berzakat dan Kempen Zakat Di Bas Rapid Penang di sini baru-baru ini.

Majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man.

Hadir sama, Naib Presiden Kejuruteraan Kanan Rapid Penang, Yusri Hushairi Yusop dan Rafidah Abdul Karim (Pengarah Kumpulan Komunikasi Rapid Penang).

# Exco harap sektor pelancongan lebarkan kuasa membeli pengguna




**ABDUL MALIK Abul Kassim (kiri sekali) diberi penjelasan oleh salah seorang pegawai Unit Falak di gerai pameran Jabatan Mufti Pulau Pinang sempena penganjuran Karnival Hari Pengguna di sini baru-baru ini.**

**BERTAM –** Sektor pelancongan negeri yang menggalakkan diharap dapat melebarkan kuasa membeli pengguna di Pulau Pinang pada tahun depan, sungguhpun terpaksa mendepani saat mencabar susulan pelaksanaan berterusan Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) oleh Kerajaan Pusat.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata demikian, semasa diminta mengulas mengenai perbentangan Bajet 2016 Kerajaan Pusat baru-baru ini.

"Saya nampak Pulau Pinang tidak mengalami impak yang banyak dari segi kuasa membeli ini, oleh sebab kita ada (kunjungan) pelancongan.

"Maka, industri pelancongan sudah tentu menjadi kuasa membeli pengguna, dan kepada peniaga di negeri ini, yang secara tidak langsung menjadi kuasa membeli pengguna," jelasnya pada Majlis Peluncuran Karnival Hari Pengguna Peringkat Negeri di sini baru-baru ini.

Menurut Abdul Malik, pengiktirafan portal pelancongan popular dunia, *Lonely Planet* baru-baru ini bahawa George Town sebagai lokasi ke-empat daripada 10 Lokasi Berkarismatik Dunia Untuk Dikunjungi Pada Tahun 2016 sudah tentu menggamit lebih ramai pelancong ke negeri ini kelak.

Beliau turut menyokong pelaksanaan GST Berkadaran Sifar (*Zerorise GST*) sebagaimana disyorkan oleh Pakatan Harapan (PH) dalam Bajet Alternatif 2016 di peringkat nasional, kerana mampu mengurangkan impak berantai pada kuasa membeli konsumer.

Dalam Bajet 2016 Kerajaan Pusat, anggaran sumber pendapatan daripada GST yang terus dibebankan ke atas rakyat adalah berjumlah RM39.4 bilion.

Difahamkan Pulau Pinang diiktiraf sebagai destinasi pelancongan ketiga negara dengan jumlah pengunjung seramai 4.89 juta dalam tempoh September 2014, di belakang Kuala Lumpur (11.68 juta) dan Pahang (7.81 juta).

Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPU), Saodah Nawawi dan Pengerusi Homestay Pulau Pinang, Rohaizat Othman turut sama hadir.

Tambah Heng Kiang, banyak kawasan dan aktiviti menarik yang dapat disertai para pelancong di sini.

"Contohnya, di kawasan Lahar Yooi, pelancong dapat mengadakan lawatan sambil belajar ke kilang membuat kerepek, memproses rokok daun dan menyusuri Sungai Perai serta menikmati juadah-juadah istimewa di kawasan ini.

"Bagi peminat burung, mereka dapat manjalankan aktiviti melihat burung sambil menikmati pemandangan hijau di Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam," jelas beliau.

Sehingga kini, terdapat 11 kawasan inap desa di negeri ini iaitu di Pulau Betong, Teluk Bahang, Mengkuang Titi, Kota Aur, Pulau Aman, Sungai Semilang, Sungai Setar, Sungai Chenaam, Sungai Duri dan yang terbaru di Lahar Yooi.



**DANNY Law Heng Kiang (depan, dua dari kiri) mencuba masakan Gulai Nangka Wawasan yang disediakan penduduk kampung sambil diperhatikan Saodah Nawawi (depan, kanan sekali) pada penganjuran Karnival Apresiasi Homestay Lahar Yooi 2015 di sini baru-baru ini.**



**PERSEMBAHAN boria yang menarik perhatian.**

## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 4567
Peminjam : NOR HALIZA BINTI HUSSAIN - 64072608****
3 LINTANG SEMBILANG
13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 1 : DAUD BIN HASHIM - 62051707****
LOT 280 C SUNGAI RUSA
11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHAMSURI BIN YUSOFF - 66082807****
BLOK 2F-1 PERMATANG DAMAR LAUT
11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 4596
Peminjam : CHIN GAN KEAT - 73091407****
102 ARMENIAN STREET
10200 PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHIN SWEE MIN - (MENINGGAL DUNIA)
153 JALAN HUTTON,
10050 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LOO LIAN TEONG - 66111807****
37 JALAN TOKONG BATU,
JELUTONG TIMUR
11600 PULAU PINANG

No Akaun : 4608
Peminjam : AFFINI BT MOHD HANIFFA - 76092409****
1-9-7 PESIARAN PANTAI JERJAK, TAMAN MAS,
SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS,
PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD HANIFFA BIN S.A.MOHD YOUSOF - (MENINGGAL DUNIA)
406 MK 3 SUNGAI RUSA, 11000 BALIK PULAU,
PULAU PINANG
Penjamin 2 : AFFINAH BINTI MOHD HANIFFA - 72101707****
1B-15-10 MUTIARA IDAMAN 1, SOLOK
TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 4622
Peminjam : PUNITHA A/P SUBRAMANIAM - 74101307****
32 LORONG SENTUL 18,
TAMAN SENTUL JAYA
14100 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ARMUGAM A/L RATNAM - 50093007****
387 LORONG JATI 1/1, TAMAN JATI,
KULIM, 09000 KEDAH
Penjamin 2 : P SAMY A/L PONUSAMY - 61071207****
6 LORONG KIKIK 2,
TAMAN INDERAWASIH, 13600 PERAI

No Akaun : 4658
Peminjam : KOAY POH CHENG - 73121407****
316-6-6 JALAN BUKIT GAMBIER,
TAMAN JADE VIEW 11700 GELUGOR,
PULAU PINANG
Penjamin 1 : KOAY CHEW KHENG - 34080271****
116 LEBUH NOORDIN, 10300 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHAN MAN KIT @ FRANKIE CHAN - 72101707****
316-6-6 JALAN BUKIT GAMBIER, TAMAN JADE
VIEW, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 4671
Peminjam : LEE KEAT EIM - 73110502****
5 JALAN PUTERI 8/3,
BANDAR PUTERI PUCHONG 47100 SELANGOR
Penjamin 1 : TAN SUNG HAU - 70051610****
NO. 587 JALAN CENGAL 2/19,
TAMAN CENGAL INDAH 2,
09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : LOW CHEE KEAN - 68100308****
A-6518, LORONG SERI KUANTAN 92,
25250 KUANTAN, PAHANG

No Akaun : 4686
Peminjam : TEOH BEE YEAN - 74010307****
AA3-5 TAMAN TUN SARDON,
GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TEOH ENG KEONG - 73052807****
28 PUNCAK BUKIT MUTIARA
11200 TANJONG BUNGAH, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHEE KIAN WAI - 73012807****
23-3-9 TINGKAT PAYA TERUBONG 3,
11060 AYER ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 4716
Peminjam : ADNAN BIN OMAR - 62062507****
38 JALAN PISANG NANGKA,
KAMPUNG MELAYU AIR ITAM
11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NAZRI ABD HAMID - 6000***
NO. 2966 Y LORONG FAJAR 2, JALAN
SULTANAH, ALOR SETAR 05300 KEDAH
Penjamin 2 : ZARIMAH BT OTHMAN - A0093***
NO. 22 LORONG SERI JANGGUS 3,
TAMAN SERI JANGGUS, ALMA
14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 4722
Peminjam : LEE MONG KHAI - 75110507****
28 LORONG BUNGA RAMPAI 6,
TAMAN PANDAN 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : LEE MONG LING - 71072807****
42 JALAN BINTANG, TANJUNG BUNGAH,
11200 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LOH SAW HOON @ LOH SO HOON - (MENINGGAL DUNIA)
119 JALAN SAM AH CHOW
11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG

No Akaun : 4769
Peminjam : KHAW SUAN HONG - 73031007****
10-23-03 KINGFISHER SERIES,
JALAN GANGSA, 11600
Penjamin 1 : LOW CHIAT BOON - (MENINGGAL DUNIA)
103 JALAN ONG JOO SUN,
11600 PULAU PINANG,
Penjamin 2 : ONG TEIK HOE - 60072507****
BLOK 104 TINGKAT 2 NO. 2,
KAMPAR MANSION, JALAN KAMPAR
10460 PULAU PINANG

No Akaun : 4782
Peminjam : TAN AI LING - 73020407****
10-25-05, JALAN GANGSA
11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN HUN CHONG - 3893***
45 LINTANG BAYAN 10, SUNGAI ARA,
BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN CHONG PENG - A2253***
10-25-05 JALAN GANGSA,
11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 4799
Peminjam : SASHI KUMAR A/L KUMARAN - 74012907****
NO. 35 JALAN 3/132,
GASING INDAH, PETALING JAYA
46000 SELANGOR
Penjamin 1 : ACHUTHAN A/L K.G.NAYAR - 58052002****
NO. 16 JALAN CENGAI, TAMAN BERSATU,
09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : RAMASAMY A/L MUNUSAMY - 54082402****
NO. 974 LORONG RIA 8/6,
TAMAN RIA, PADANG SERAI
09400 KEDAH

No Akaun : 4823
Peminjam : CHONG KOK - 74102207****
23 LORONG BUKIT MINYAK 6, TAMAN BUKIT MINYAK
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : CHONG AI HWA - 67102207****
1651 KAMPUNG BERAPIT, 14000 BUKIT MERTAJAM,
Penjamin 2 : CHONG LENG - 68121207****
NO. 5 LORONG BUKIT MINYAK 21, TAMAN BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 4831
Peminjam : GOH GUAN GOON - 73031407****
A-03-06 VILA BANYAN CONDO,
NO. 49 JALAN AWAN JAWA TAMAN YARL 58200 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : LIM SOOI KHOON - 1674***
37V LORONG ZOO DUA, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : GOH GUAN GIN - 70092507****
7 PERSIARAN MAHSURI 2/5, SUNWAY TUNAS BAYAN BARU
11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

# Pensonic labur RM50 juta serlah keyakinan pelabur ke P. Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BUKIT TAMBUN –** Pensonic Holdings Berhad (Pensonic) melabur sebanyak RM50 juta untuk membuka ibu pejabat pengeluaran berkaitan peralatan elektronik rumah di Taman Perindustrian Bukit Minyak di sini baru-baru ini, sekaligus menyerlahkan keyakinan pelabur ke negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Pulau Pinang masih menjadi destinasi pelaburan pilihan, sungguhpun ekonomi di negeri ini kian mencabar apabila beberapa syarikat multinational dari antarabangsa sedang melakukan penstrukturan semula operasi masing-masing.

"Terdapat laporan akhbar tertentu yang mengelirukan serta tidak benar, kononnya pelabur dan kilang-kilang 'melarikan diri' dari Pulau Pinang atau menutup operasinya di negeri ini.

"Saya sangat bangga kerana Pensonic masih setia melabur di Pulau Pinang," ucapnya pada Majlis Perasmian Pembukaan Ibu Pejabat Pensonic di sini baru-baru ini.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Dato' Law Choo Kiang dan P. Kasturiraani (Ahli Parlimen Batu Kawan) turut menyertai majlis tersebut.

Difahamkan, terdapat lima syarikat multinasional mengumumkan langkah Penggabungan dan Pemerolehan (M&A) dalam menstruktur semula operasi masing-masing di peringkat antarabangsa.

Justeru, Guan Eng memberitahu, langkah yang diambil oleh syarikat-syarikat terbabit bukanlah gambaran yang sebenar kononnya iklim ekonomi di negeri ini 'suram'.

Mengulas mengenai iklim ekonomi negeri, beliau sekali lagi menjelaskan bahawa pelaburan ke Pulau Pinang dalam tempoh tujuh tahun sehingga 2014 masih menunjukkan peningkatan sebanyak 93 peratus menjadi RM48.2 bilion, berbanding angka RM24.9 bilion yang direkodkan dalam tempoh sama sebelum tahun 2008.

Seperti Pensonic yang membuka ibu pejabat di negeri ini, Guan Eng menyatakan bahawa syarikat itu mengalami pertumbuhan pesat sebanyak 207 peratus, melalui jualan eksport antara 2011 dan 2014.

Sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pensonic, Datuk Seri Chew Weng Khak memberitahu bahawa Pensonic adalah sebahagian daripada jenama Pulau Pinang kerana syarikat itu mula ditubuhkan di Balik Pulau, 50 tahun lalu.

Katanya, Pensonic mencatat perolehan sebanyak RM386 juta, dengan margin keuntungan kira-kira RM17 juta bagi tahun berakhir pada 31 Mei lalu.

"Bangunan baru ini akan berfungsi sebagai Hub Operasi Global untuk kami ke pasaran masa depan yang lebih kukuh di rantau Asia Tenggara dan Timur Tengah.




**KETUA Menteri diiringi Chew Weng Khak (dua dari kanan) serta tetamu utama lain melawat Kompleks Ibu Pejabat Pensonic selepas majlis pelancaran pembukaan bangunan baru tersebut di sini baru-baru ini.**

Tambah Weng Khak, Pensonic mempelbagaikan produktivitinya, termasuk pelancaran telefon pintar *Fonebud Essential Plus* terbaru pada bulan Ogos lalu.

"Kita akan mengeluarkan lebih banyak produk tidak lama lagi di bawah *Fonebud* yang pelbagai ini," ujar beliau.



**RUPA bentuk ruang pameran barangan Pensonic.**

# PROTUNe komited pupuk budaya usahawan dalam kalangan pelajar

**BAYAN BARU –** Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) komited untuk memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menerusi Program Perintis Usahawan dan Program Tunas Niaga atau PROTUNe.




**PARA pelajar bergambar kenangan selepas diumumkan sebagai pemenang Anugerah Syarikat Terbaik 2015 pada Konvensyen PROTUNe Ke-18 Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.**

Penolong Pengurus Kanan Bahagian Pembangunan Usahawan PDC, Amran Hashim berkata, penganjuran program tersebut dilihat mampu membuka minda pelajar dalam menjadikan bidang keusahawanan serta perniagaan sebagai suatu kerjaya yang menguntungkan pada masa hadapan.

Jelasnya, PROTUNe yang dimulakan sejak tahun 1998 tersebut merupakan salah satu platform yang berjaya melahirkan ramai usahawan termasuk usahawan atas talian *(online)*.

"PROTUNe akan membentuk budaya keusahawanan dan meningkatkan kemahiran serta pengetahuan untuk melaksanakan perniagaan secara berkesan dalam kalangan pelajar.

"Keusahawanan adalah antara perkara penting kepada individu, keluarga, pembangunan masyarakat, negara serta agama.

"Justeru, pembentukan budaya keusahawanan ini haruslah dimulakan dari peringkat persekolahan lagi, dan sebagai pemangkin, Program Tunas Niaga diwujudkan bagi mencapai matlamat tersebut," ujarnya ketika membacakan teks ucapan Pengurus Besar PDC pada Konvensyen PROTUNe Ke-18 Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2015 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Sektor Pembangunan dan Kemanusiaan, Jabatan Pendidikan Pulau Pinang (JPPP), Izmi Ismail.

Mengulas lanjut, Amran memberitahu bahawa pihaknya berharap lebih banyak sekolah di negeri ini merebut peluang dan menyertai PROTUNe.

Dalam majlis tersebut, Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi (SMKT) Bukit Mertajam dinobatkan sebagai juara keseluruhan bagi Konvensyen PROTUNe Ke-18 Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2015 sebagai Anugerah Syarikat Terbaik 2015.

Naib johan dimenangi, Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) St. George dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bakti (ketiga).

Kemenangan tersebut membolehkan SMKT Bukit Mertajam membawa pulang trofi, sijil dan wang tunai berjumlah RM1,000.

# Cadangan pendedahan aspek integriti bantu kurangkan masalah disiplin pelajar

**PANTAI JEREJAK –** Bagi memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar, Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar mencadangkan supaya pendedahan terhadap erti integriti dilaksanakan di peringkat sekolah bagi melahirkan generasi beretika dan sekaligus mengurangkan masalah disiplin di institusi berkaitan.



**ROSLI Jaafar (tengah, berkaca mata dan berkot) bergambar kenangan dengan para pelajar SK Bayan Baru pada penganjuran Program Kesedaran Integriti Bagi Pelajar Sekolah Rendah di sini baru-baru ini.**

Katanya, pemerkasaan dan pendedahan terhadap pengertian integriti bakal membuat pelajar lebih mendalami erti kata tersebut dan seterusnya, untuk jangka panjang dapat membantu pengurusan sekolah mengurangkan masalah disiplin dalam kalangan pelajar.

"Penekanan dari segi penghayatan dan pemahaman bukan sahaja mampu melahirkan pelapis kepimpinan negara yang boleh diharapkan, malah amalan rasuah yang berpunca dari kurangnya integriti juga mampu dibendung.

"Keberkesanan pelaksanaan aspek integriti telah terbukti di negara-negara maju dan sebagai sebuah negara membangun, wajar aspek ini diberi penekanan khususnya dalam kalangan pelajar-pelajar di bangku sekolah," ucapnya pada Program Kesedaran Integriti Bagi Pelajar Sekolah Rendah di Sekolah Kebangsaan (SK) Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Negeri Pulau Pinang (IINPP), Rozaidi Abdul Rahim Razali dan Guru Besar SK Bayan Baru, Che Salmah Ahmad.

Mengulas lanjut, Rosli memberitahu, PDC bersama-sama IINPP mengambil inisiatif menganjurkan secara tahunan program kesedaran integriti sebagai salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) demi kelestarian masyarakat.

"Sebanyak empat sekolah dipilih bagi pelaksanaan program kesedaran integriti termasuk SK Seri Permai, SK Batu Kawan dan SK Seberang Jaya," jelasnya.

Rosli dalam pada itu turut melahirkan rasa terkejut apabila Kajian Indeks Persepsi Integriti Nasional yang dijalankan oleh *Transparency International* (TI) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) memperlihatkan persepsi pelajar di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) mengenai gejala rasuah di Malaysia adalah amat kurang menyenangkan.

"Berdasarkan kajian tersebut, sejumlah 80 peratus responden dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia berkemungkinan terlibat dengan gejala rasuah tanpa diketahui umum.

"Pastinya hasil kajian ini menunjukkan aspek integriti dalam sebilangan besar masyarakat kita adalah amat nipis.

"Saya berharap program kesedaran integriti ini dapat diteruskan dari masa ke masa kerana ia mampu memberi impak kesedaran bukan sahaja terhadap pelajar, bahkan ibu bapa dan guru-guru yang hadir," ujar beliau.

# Program Pertanian Bandar, kurang belanja harian isi rumah

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



**SALAH seorang peserta memeriksa tanaman kangkung yang diusahakan beliau.**



**SOON Lip Chee (kiri sekali) menunjukkan hasil tanaman cili kepada Dr. Afif Bahardin (tengah) pada lawatan ke salah sebuah tapak Program Perkebunan Komuniti di Perkampungan Jawi, di sini baru-baru ini.**

**JAWI –** Bagi mengekang kebergantungan tinggi terhadap sumber makanan import, Kerajaan Negeri pada pertengahan tahun ini melancarkan Program Pertanian Bandar sebagai galakan kepada penduduk bandar dan pinggiran bandar supaya menanam sendiri bahan makanan.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, inisiatif tersebut bukan sahaja dapat mengurangkan tekanan permintaan hasil tanaman domestik, malah juga memberi impak besar sekiranya berlaku krisis makanan dunia.

"Jika sebelum ini, kita melihat tanaman sayur misalnya hanya diusahakan di kawasan perkebunan luas, namun melalui program ini, kita berupaya menggunakan pendekatan laman *edible* atau lebih dikenali sebagai 'kebun dapur' untuk kegunaan sendiri di rumah.

"Malah, program yang menggunakan pendekatan praktikal ini juga dapat mengurangkan perbelanjaan harian isi rumah, di samping mengindahkan landskap kawasan sekitar dan menghasilkan hasil tanaman berjenama sendiri pada masa hadapan," katanya ketika hadir merasmikan Program Ramah Mesra Bersama-sama Para Peserta Komuniti perkebunan Perkampungan Jawi di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee dan ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Mengulas lanjut, Afif memberitahu, Program Pertanian Bandar di negeri ini kebanyakannya melibatkan sekumpulan penduduk mengusahakan kebun komuniti berdekatan kawasan perumahan masing-masing.

"Selain Jawi, ada lagi beberapa kawasan lain melibatkan lima daerah iaitu lapan kawasan di daerah Seberang Perai Selatan (SPS), tujuh di Seberang Perai Tengah (SPT) dan masing-masing empat di Seberang Perai Utara (SPU), Timur Laut dan Barat Daya.

"Semua peserta yang terlibat disokong oleh JKKK setempat dengan bimbingan Jabatan Pertanian Negeri dan juga beberapa agensi berkaitan lain yang turut berkongsi visi sama.

"Secara keseluruhannya, sambutan orang ramai terutama golongan sasar amat positif dan di pihak Kerajaan Negeri, kami amat menggalakkan lebih ramai lagi peserta tampil menyertai program berimpak positif ini pada masa hadapan," katanya yang juga merupakan ADUN Seberang Jaya.




## 400 berhimpun tanda sokongan *'Car Free Morning'* MPSP



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (depan, bertudung jingga) bersama-sama para peserta lain melakukan senaman senamrobik pada penganjuran "Sepagi Tanpa Kebenaran" di sini baru-baru ini.**

**SOKONG ...** Seramai 400 sertai senamrobik serta tarian zumba di sini, sekaligus menyerlah tanda sokongan komuniti setempat pada kempen nilai "Pagi Tanpa Kenderaan" yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Jaya (MPSP) di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berharap penganjuran kempen meliputi Jalan Todak 2 dan Jalan Todak Tiga dekat Bandar Sunway Seberang Jaya mulai 7 pagi hingga 12 tengah hari tersebut dapat menyemarakkan kesedaran komuniti untuk menghayati agenda Kerajaan Negeri, "Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat."

Pelbagai aktiviti turut diadakan, antaranya gerai jualan, *airwheel,* dam ular dan banyak lagi.



**DAM ular gergasi menarik minat golongan kanak-kanak yang turut serta.**

# Atlet biliard dan snuker terima SKIMAS tanda penghargaan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Dua atlet kelahiran Pulau Pinang yang berjaya merangkul gelaran dunia dalam acara sukan biliard dan snuker pada Kejohanan Biliard dan Snuker Berpasukan Antarabangsa (IBSF) baru-baru ini menerima Skim Insentif Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS) yang masing-masing bernilai RM12,000 di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika menyempurnakan majlis penyampaian berkata, ganjaran tersebut adalah sebagai menghargai sumbangan bakat anak negeri yang telah mengharumkan nama Pulau Pinang dan Malaysia di persada antarabangsa.

"Tahniah! Bukan mudah untuk mendapat gelaran dunia dalam sukan (biliard dan snuker) ini.

"Mereka bukan sahaja telah mengharumkan nama negara, tetapi menjulang nama dan martabat Pulau Pinang di pentas dunia," ujarnya pada Majlis Penyerahan Cek Sumbangan SKIMAS kepada dua atlet berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti), Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan), Federick Tan (Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, MSNPP) dan Michael Tan (Pengerusi Persatuan Biliard dan Snuker Pulau Pinang).




LIM Kok Leong (kiri) dan Moh Keen Ho menunjukkan replika cek yang diterima pada Majlis Penyerahan Cek Sumbangan SKIMAS di sini baru-baru ini.

Atlet, Moh Keen Ho dan Lim Kok Leong berjaya menewaskan pasukan Pakistan dalam acara akhir Snuker Berpasukan dengan jumlah kutipan mata 5-4, sekaligus membolehkan kedua-duanya merangkul gelaran dunia untuk acara berkaitan yang mana ia merupakan kemenangan sulung buat pasukan snuker amatur negara.

Kejohanan IBSF yang diadakan di Karachi, Pakistan pada 15 Ogos lalu turut disertai 90 atlet dari 20 negara.

SKIMAS yang diperkenalkan Kerajaan Negeri Mei lalu adalah untuk memberi galakan dan motivasi kepada atlet-atlet serta penggiat sukan negeri Pulau Pinang.

# Golongan muda & mahasiswa harus bekerja untuk manfaat masyarakat akan datang – Fahmi Zainol



(Dari kiri), DR. Toh Kin Woon, Fahmi Zainol dan Steven Sim Chee Keong pada penganjuran Forum 'Selepas Bersih 4.0: Ke Mana Hala Tuju Kita?' anjuran PYDC di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Partisipasi demokrasi membabitkan sukarelawan dan mahasiswa pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) nanti dijangka kian melebar, berbanding pergerakan melalui parti-parti politik.

Demikian kata bekas Pengerusi Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaya (MPMUM), Fahmi Zainol pada forum berjudul 'Selepas Bersih 4.0: Ke Mana Hala Tuju Kita?' baru-baru ini.

"Sebagai masyarakat Malaysia, seharusnya sedar bahawa masih banyak kerja yang perlu kita laksanakan.

"Jalan alternatif (iaitu, pergerakan sukarelawan politik) ini ke arah menjamin 'negara rahmah' yang lebih sempurna.

"Kita (golongan muda dan mahasiswa) seharusnya bekerja untuk manfaat masyarakat yang akan datang," jelasnya pada majlis di sini, anjuran agensi negeri, Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC).

Justeru, beliau memberitahu, mahasiswa dan kaum pensyarah dari universiti awam wajar memainkan peranan ke arah memangkin kesedaran rakyat.

"Keberjayaan masyarakat sekarang mencerminkan keberjayaan masyarakat terdahulu memberikan pencerahan kepada kita," tegas beliau.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dan Pengerusi BERSIH Utara Semenanjung Malaysia, Datuk Dr. Toh Kin Woon turut hadir majlis tersebut.



# Kraftangan tradisional, harap tarik minat orang muda - Mohd. Sobri

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**MALATA** Jaya, namanya amat unik! Namun, bagi pemiliknya, ia adalah sebuah misteri yang tidak dirungkai.

"Saya percaya ada makna, nama (kedai) ni dari zaman arwah tok wan lagi, tapi saya tidak pernah tanya maknanya,'' jawab Mohd. Sobri Yusof yang kini mengambil alih premis menjual alatan kraftangan, tembaga, aluminium, kayu dan besi yang diusahakan keluarganya sejak tahun 50-an dahulu.

Ketika penulis memasuki premis yang terletak di tengah-tengah pekan Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU) itu, terasa kembali semula ke zaman kanak-kanak di kampung halaman.

Kelihatan congkak, tempurung, acuan-acuan kuih, tempurung cendol dan lain-lain tersusun di rak-rak tersedia.

Di bahagian belakang premis, tiga kakitangan Mohd. Sobri sedang sibuk menyiapkan tempahan seperti tempurung cendul dan papan rehal.

Menurut Mohd. Sobri, beliau mula membantu arwah ayahnya di premis tersebut sejak berusia 19 tahun.

"Selepas habis sekolah, saya akan datang ke kedai 'bekerja' dengan ayah.

"Saya ada tiga beradik, saya yang bongsu dan memang minat bidang 'jual-jual' (berniaga).

"Apabila habis sekolah, minta kerja tidak dapat, saya terus bertekad untuk terus berada di sini sampailah sekarang,'' jelas beliau



MOHD. Sobri Yusof.

yang secara rasmi mengambil alih perniagaan tersebut pada tahun 2003 iaitu selepas ayahnya meninggal dunia.

Bagi Mohd. Sobri, 55, walaupun bidang diceburinya tiada persaingan dan juga tidak menghadapi masalah bekalan bahan mentah, cabaran utama yang dihadapi adalah faktor pekerja mahir.

"Susah nak cari orang yang mahir. Tiada orang terutamanya anak-anak muda yang minat belajar membuat peralatan-peralatan kraftangan tradisional ini.

"Ini termasuklah tujuh anak saya yang semuanya tidak minat. Cuma, apa yang saya nampak kini adalah anak saudara saya sahaja yang kini memang komited dan sentiasa berada di sini untuk membantu.

"Malah, beliau juga mahir membuat peralatan-peralatan kraftangan termasuk dari kayu dan tembaga. Boleh dikatakan dia semua boleh buat,'' jelasnya sambil memperkenalkan 'Dolah' kepada Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara.



DOLAH sedang menyiapkan salah satu peralatan kraftangan yang ditempah.

Mengulas lanjut, Mohd. Sobri memberitahu bahawa peralatan yang paling laris adalah tempurung keras (digunakan untuk membuat kuih keras), tempurung cendol dan gobek.

Selain Alor Setar, Kedah, pasaran peralatan kraftangan yang dihasilkan kini juga memasuki Kuala Kangsar, Perak. Ini tidak termasuk jumlah yang diambil oleh pemborong.

"Kemungkinan sudah memasuki seluruh Malaysia,'' seloroh Mohd. Sobri.

Bagi perancangan masa depan,



SALAH satu tempahan yang dalam proses disiapkan.

Mohd. Sobri yang berasal dari Kampung Pajak Song berharap beliau dapat menambah bilangan pekerja mahirnya.

Pada masa sama, beliau turut berbesar hati sekiranya terdapat pihak yang sudi menderma mesin-mesin khas bagi mempercepatkan gerak kerja kraftangan yang dihasilkan.

"Ini kerana, setakat ini, semua barangan yang dihasilkan adalah menggunakan tangan 100 peratus,'' ujar beliau sambil menyatakan bahawa premisnya dibuka pada setiap hari kecuali Ahad, dari jam 9 pagi hingg 5 petang.

Ketika ditujukan persoalan bahawa tempahan paling susah pernah diterima, dengan pantas Mohd. Sobri menyatakan bahawa ia adalah acuan kuih khas dari Jerman yang diterima beliau baru-baru ini.

"Pelanggan itu bawa contoh 'acuan bunga' yang dibawa pulang dari Jerman, tunjuk kepada kami dan mahu tempah.

"Dolah cuba dan tanpa diduga berjaya. Acuan tersebut berbentuk lain dari yang biasa, bentuknya unik dan dikatakan ia digunakan untuk membuat bunga ising,'' jelas beliau.

Mohd. Sobri memberitahu, memang menjadi kebiasaan setiap pelanggan inginkan sesuatu tempahan siap pada tempoh masa singkat, namun, pembuatan acuan terutamanya memerlukan sedikit masa kerana ia menggunakan kemahiran tangan sepenuhnya.

Walaupun berhadapan dengan arus pembangunan dan percambahan kepelbagaian peralatan moden lain, Mohd. Sobri percaya bahawa industri kraftangan yang diusahakan secara turun-temurun oleh keluarganya akan terus kekal dan diperlukan.



KEPELBAGAIAN acuan kuih yang dijual.

**INFO :**
**MALATA JAYA ENTERPRISE**
**Pembuat dan Pembekal Alatan Kraftangan**
**1451, Jalan Butterworth, 13200 Kepala Batas, SPU.**
**No. Tel. : 04 - 569 0332/ 019 - 544 6637 (Mohd. Sobri Yusof) / 017 - 422 1824 (Dolah)**


حلال
PIHEC2016
7th PENANG INTERNATIONAL
Halal Expo & Conference
29 - 31 JAN 2016
10 PG - 8 MLM
SPICE ( PISA)
SEGALANYA DIBAWAH SATU ARENA
LEBIH 300 TAPAK JUALAN & PAMERAN
MASUK PERCUMA
Anjuran :
PIHH DEVELOPMENT SDN. BHD. (HALAL PENANG)
Level 44, KOMTAR, 10503, Penang, Malaysia
T: +604 262 5444 F: +604 263 5444
E: pihec@halalpenang.com
UNTUK KETERANGAN LANJUT SILA LAYARI
www.pihec.com.my
PihecEvent

# MPSP, PBT enam terbaik negara - YDP

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA** – Pembangunan reka bentuk bandar Bukit Mertajam pada masa depan bakal menerima tajaan *Japan International Cooperation Agency* (JICA) dari Bandar Yokohama, selepas satu perjanjian persefahaman dimeterai bersama-sama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada 20 Oktober lalu.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif dalam kenyataannya merakamkan penghargaan kerana mendapat sokongan daripada pihak *University of Yokohama* dekat Jepun dan Universiti Sains Malaysia (USM) di negeri ini.

"Pengiktirafan terbaru ini turut disiarkan dalam akhbar tempatan di Jepun.

"Ini satu lagi pengiktirafan buat MPSP, sekaligus mengharumkan nama Pulau Pinang di peringkat antarabangsa," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan barisan Ahli Majlis MPSP.

Menurut Maimunah, beliau pada 7 hingga 11 September lalu sekali lagi dijemput oleh *United Cities and Local Governments Asia Pacific* (UCLG ASPAC) untuk menghadiri *The 2nd Asean Mayor's Forum* di Makassar, Indonesia.

Selain itu, beliau memberitahu, empat projek inovasi yang dipertandingkan oleh MPSP, iaitu Kaunter Bergerak Multi Skill, *Profesional Sniper Gadget* (PSG), Sistem Pemantauan Pintar (SPP) dan *Self Recycle Center* (SMRC) turut meraih Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2015, yang dianjurkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru-baru ini.

"Daripada 19 PBT dari seluruh negara, MPSP tersenarai dalam enam yang terbaik oleh kementerian," ujarnya.

Di peringkat Pulau Pinang pula, Maimunah menyatakan bahawa produk inovasi "Lori Kompaktor Berirama" turut dipilih sebagai Naib Johan dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri.

Itu, tambah beliau, tidak termasuk kejayaan MPSP meraih tiga anugerah lain pada Majlis Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri di sini baru-baru ini.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (bertudung merah), Sr. Rozali Mohamud (berkopiah), Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan di MPSP menunjukkan sijil-sijil pengiktirafan yang dimenangi pada sidang media di sini baru-baru ini.

## Rebut 40 hadiah menarik promosi bayar cukai pintu MPSP

**SEBERANG JAYA** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menawarkan lebih 40 hadiah menarik kepada pembayar cukai pintu yang membayar keseluruhan cukai tahunan sempena promosi bayaran cukai pintu tahun 2016.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata demikian pada sidang media selepas Mesyuarat Majlis MPSP di sini baru-baru ini.

Maimunah memberitahu, inisiatif promosi bayaran cukai pintu adalah bagi menggalakkan pembayar cukai membayar cukai mengikut masa ditetapkan sekaligus meningkatkan hasil melalui cukai pintu.

"Di Seberang Perai sahaja, kita (MPSP) mempunyai 317,523 pegangan termasuk rumah-rumah kediaman, kedai dan industri.

"Para pemilik hanya perlu membayar keseluruhan cukai setahun 2016 berserta tunggakan sekiranya ada, sama ada di semua kaunter MPSP atau melalui agen-agen sah yang dilantik oleh MPSP.

"Selain itu, bayaran juga boleh dibuat melalui laman web MPSP bermula 15 November sehingga 31 Disember ini," jelas beliau.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Sr. Rozali Mohamud dan barisan Ahli Majlis MPSP.

Mengulas lanjut, Maimunah menyatakan bahawa bilangan pembayar cukai yang layak menyertai promosi tersebut meningkat saban tahun.

"Sebagai penghargaan, MPSP akan memberi dua buku kupon letak kereta (kupon jam) sebagai cenderahati kepada pembayar cukai yang layak dan terawal memandangkan stok kupon percuma ini adalah terhad.

"Bagi promosi kali ini juga, MPSP memperkenalkan satu lagi kategori baharu bagi mereka yang membuat pembayaran melalui atas talian *(online)* dalam tempoh yang ditetapkan.

"Mereka yang bertuah akan memenangi sebuah unit telefon pintar jenama Samsung Galaxy A5 dan kita (MPSP) juga menawarkan lima unit kepada lima pembayar cukai bertuah," ujarnya.

Hadiah lain yang ditawarkan untuk cabutan bertuah, *Mountain Bike Venzo Viper 29, Airwheel X8 Carbon Fibre, Mountain Bike Java Saetta, iPad Air WiFi 16GB, Mountain Bike KAR-Gero QZ60,* televisyen Panasonic LED 43'' dan komputer *Acer Aspire*.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web MPSP di *www.mpsp.gov.my* atau hubungi talian **04 - 549 7470 / 471 / 697 / 696** atau emel ke, *waran@mpsp.gov.my*.




BANTING promosi bayaran cukai pintu MPSP.

## Bimbang struktur pintu gerbang tidak selamat, ambil langkah penguatkuasaan - YDP

**SEBERANG JAYA** – Langkah penguatkuasaan yang diambil baru-baru ini adalah disebabkan projek Pintu Gerbang Rangkaian Kampung Baru tersebut dibina tanpa mendapatkan kebenaran berwajib daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) serta tidak memberi jaminan keselamatan pada penduduk setempat.

Justeru, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif melahirkan rasa bimbang mengenai binaan tersebut, serta meminta Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan jurutera berkaitan supaya segera mengemukakan pelan penstrukturan berwajib.

"Pelan dan surat pengesahan daripada jurutera bahawa struktur itu kukuh perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada 3 November 2015 lalu.

"Ini sangat merisaukan kita semua, tambahan pula dengan keadaan cuaca yang tidak menentu sejak kebelakangan ini, genting pintu gerbang yang seberat 4.2 kilogram (kg) setiap satu itu mungkin akan tertanggal.

"Malah, keadaan genting-genting pintu gerbang yang dipasang juga (kemungkinan) adalah sangat merbahaya," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh di perkarangan Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud.

Lanjutan itu, Maimunah memberitahu bahawa pihaknya telah mengeluarkan notis 14 hari bagi meruntuhkan sendiri pintu gerbang dan pada 15 Oktober lalu.

Tambahnya, MPSP sekali lagi telah mengeluarkan notis 30 hari atas faktor keselamatan, berdasarkan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Difahamkan, pemajuan Pintu Gerbang Rangkaian Kampung Baru dekat Alma itu dibiayai oleh peruntukan khas daripada Kerajaan Persekutuan.

# Kompaun RM100, parkir di petak OKU

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **J. PATMAVATHY**

**GEORGE TOWN –** Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chris Lee Chun Kit pada sidang media baru-baru ini memberitahu bahawa sebanyak 38 petak parkir bagi golongan orang kurang upaya (OKU) akan dicat semula sebelum akhir November ini.

"Semua petak kereta OKU akan dicat semula dengan warna biru bagi membolehkan umum mengetahui dan membezakan petak yang dikhaskan kepada golongan OKU.

"Sebagai tindakan lanjut, kompaun RM100 akan dikenakan terhadap pihak-pihak tidak berkaitan yang bertindak meletakkan kenderaan di petak-petak parkir khas tersebut," katanya ketika mengadakan lawatan ke tapak parkir OKU siap dicat di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis MBPP, Joseph Ng Soon Siang, Mhd Nasir Yahya dan Tan Chiew Choon. Turut serta, Jurutera Lalulintas dan Pengangkutan Awam MBPP, Zainuddin Mohd. Shariff.



RUPA bentuk pelekat parkir MBPP untuk OKU.

Mengulas lanjut, Chun Kit memberitahu bahawa, sehingga kini, terdapat 513 OKU berdaftar yang telah mendaftar dan memiliki pas parkir OKU MBPP.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa MBPP tidak akan teragak-agak untuk mengeluarkan saman terhadap pemandu tidak bertanggungjawab yang didapati menyalahgunakan petak-petak parkir khas berkenaan.


CHRIS Lee Chun Kit (kiri sekali) sambil ditemani barisan Ahli Majlis MBPP lain menunjukkan petak parkir khas OKU yang siap dicat pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

"Diskaun pembayaran saman turut akan dikecualikan terhadap mereka yang didapati bersalah," tegas beliau.

Chun Kit dalam pada itu turut menyeru individu-individu yang layak supaya membuat pendaftaran di kaunter dan pejabat MBPP bagi mendapatkan pas berkaitan.

## Penguatkuasaan bermula, 'pemutihan hotel' lanjut hingga 31 Oktober 2016

**GEORGE TOWN –** Langkah penguatkuasaan ke atas hotel-hotel yang beroperasi tanpa lesen mula dilaksanakan kini, sungguhpun Kerajaan Negeri bersetuju untuk melanjutkan tempoh program 'pemutihan hotel' sehingga 31 Oktober tahun depan.

Demikian kata Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow pada sidang media bersama-sama Pengarah Kawalan Bangunan MBPP, Ar. Yew Tung Seang.

"Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah melakukan pelbagai usaha bagi membantu para pengusaha memperoleh lesen yang sah, antaranya, kita (Kerajaan Negeri) telah melonggarkan syarat-syarat permohonan," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota di sini.

Kon Yeow menjelaskan bahawa pemilik yang berjaya melengkapkan syarat-syarat permohonan berwajib bagi lesen sementara sebelum 1 November lalu akan menikmati bayaran pembaharuan permit pada sedia ada, iaitu serendah RM2,400.

"Syarat-syarat berwajib yang dimaksudkan adalah permohonan Pelingkungan Semula, Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan serta menukar Syarat Nyata Tanah.

"Kadar baru sebanyak RM7,200 dikenakan ke atas pemilik yang belum mengemukakan syarat-syarat permohonan berwajib sebelum 31 Oktober lalu,

"Bagi pengendali hotel yang tidak pernah memohon lesen sementara sehingga tempoh 31 Oktober tahun depan, boleh diberi permit sementara atas kadar RM9,600," jelas beliau.


KAMAR-kamar hotel yang didapati tiada dalam pelan bangunan dipecahkan.

MBPP pada 22 Oktober lalu telah menyerbu sebuah hotel yang dikenal pasti beroperasi tanpa lesen di tengah-tengah bandar raya George Town.

Dalam serbuan itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan mengeluarkan kompaun RM250 kepada pengendali hotel tersebut.

Selain memusnahkan beberapa struktur konkrit tanpa kebenaran pada hotel tersebut, beberapa aksesori seperti tilam dan televisyen turut dirampas oleh PBT berkenaan.

"Yang telah kita ambil tindakan sebelum ini hanya satu (sebuah) hotel, dan (operasi) ini adalah yang kedua.

"Tindakan yang kita ambil hari ini antaranya merobohkan pembahagi (antara kamar-kamar hotel) kerana tiada dalam pelan bangunan, serta merampas beberapa peralatan seperti tilam, televisyen dan beberapa kemudahan lain (di hotel ini)," jelas Penolong Pegawai Jabatan Kawalan Bangunan MBPP, Mohd. Nizam Saad kepada wartawan di sini.

Tambah beliau, langkah penguatkuasaan tersebut adalah meliputi seluruh bahagian pulau, termasuk zon George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO.

"Yang dikuatkuasa bukan hotel (berstatus) warisan, tetapi, hotel tanpa lesen dalam zon warisan," katanya.


PENGUATKUASA MBPP menurunkan papan tanda utama hotel yang dipercayai beroperasi tanpa lesen di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Pegawai Pelesenan MBPP, Mohamad Hasan Abul Rahman memberitahu, hotel-hotel yang telahpun dikenakan kompaun tidak terkecuali untuk berdepan dengan langkah penguatkuasaan, sama pada masa hadapan, sekiranya masih enggan mengikut peraturan berwajib yang digariskan oleh PBT berkaitan.

Bagaimanapun, jelas beliau, pengendali hotel terbabit boleh membayar kompaun serta menuntut peralatan-peralatan yang dirampas, selepas mendapatkan lesen berwajib daripada MBPP.

Difahamkan, lebih 20 hotel di bahagian pulau dikenalpasti beroperasi tanpa lesen, sungguhpun selepas langkah pemutihan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

Seramai 30 anggota MBPP terlibat dalam operasi berkenaan, membabitkan Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Kawalan Bangunan serta Jabatan Perancang dan Pembagunan.

Pertama kali MBPP melaksanakan langkah penguatkuasaan tersebut adalah pada 9 Oktober lalu, di Lebuh Penang di sini, selepas hampir dua tahun langkah pemutihan hotel diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri.

Menurut Kon Yeow, langkah moratorium atau pergantungan serta penangguhan kegiatan penguatkuasaan berwajib atas persetujuan bersama yang dilaksanakan itu diharap dapat menggamit minat para pengendali hotel tanpa lesen untuk bersama-sama Kerajaan Negeri menjayakan pelan pemutihan hotel di negeri ini.

# ADUN tubuh Sudut Ilmu percuma semai budaya membaca

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **G. REVATIC**

**JAWI** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee percaya bahawa budaya membaca harus disemai sejak dari kecil lagi dan terus dipupuk sepanjang masa tanpa mengira latar belakang pendidikan seseorang.

Jelasnya, pembacaan bukan sahaja mampu merangsang minda terutamanya dalam kalangan kanak-kanak, tetapi juga menjadi medium pembangunan insaniah secara menyeluruh.

"Melalui pembacaan, kanak-kanak dapat mengenali dunia dan mewujudkan budaya ilmiah yang sihat," katanya pada Majlis Perasmian Sudut Ilmu di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Bistari di sini baru-baru ini.

Inisiatif penubuhan Sudut Ilmu adalah daripada beliau sendiri bersama-sama ahli JKKK Jalan Byram.

Selain menyediakan bahan bacaan dalam pelbagai bahasa secara percuma, Sudut Ilmu turut menyediakan buku-buku ulang kaji bagi pelajar yang bakal menduduki peperiksaan umum.

Mengulas lanjut, Lip Chee memberitahu bahawa ibu bapa perlu memainkan peranan mendorong anak-anak masing-masing untuk meminati aktiviti membaca dan menjadikan ia sebagai sebahagian daripada hobi.

Sudut Ilmu dibuka setiap hari kecuali Ahad bermula jam 8 pagi hingga 5 petang.



**KEADAAN Sudut Ilmu yang selesa memberikan suasana pembelajaran yang sesuai kepada golongan kanak-kanak.**




**SOON Lip Chee (barisan belakang, empat dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama ahli-ahli JKKK Jalan Byram dan kanak-kanak yang hadir pada Majlis Perasmian Sudut Ilmu di sini baru-baru ini.**

# Lantai Pasar Farlim ditukar, tidak lagi licin

**AIR ITAM** – Sejumlah RM12,800 diperuntukan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi menaiktaraf lantai di Pasar Farlim dan Pusat Makanan di sini.

Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh ketika ditemui melahirkan rasa lega ekoran tindakan pantas MBPP selepas menerima maklum balas daripada penduduk setempat.

"Syabas kepada MBPP terutamanya Ahli Majlis, Tan Hooi Peng kerana bertindak pantas berhubung inisiatif ini.

"Kini, pengunjung di Pasar Farlim tidak lagi perlu bimbang kerana spesifikasi lantai baharu adalah mengikut piawaian, selamat dan tidak lagi licin seperti sebelum ini," katanya ketika meninjau keadaan lantai Pasar Farlim dan Pusat Makanan di sini baru-baru ini.

Pada lawatan tersebut, beliau turut beramah-mesra dengan peniaga serta pengunjung setempat.



**RAMKARPAL Singh (depan, kiri sekali) bersama-sama beberapa peniaga dan pegawai MBPP meneliti permukaan lantai baharu Pasar Farlim dan Pusat Makanan di sini baru-baru ini.**



**KEADAAN lantai baharu yang kurang licin.**

# Sertai gotong-royong cegah denggi, seru Ahli Majlis



**CHRIS Lee Chun Kit (empat dari kanan) mengadakan lawatan terhadap salah seorang penduduk sempena penganjuran Program Gotong-Royong Bersama-sama Penduduk Mount Erskine di sini baru-baru ini.**

Gambar : **LAW SUUN TING**

**KEBUN BUNGA** – Penduduk di kawasan berpotensi tinggi diserang wabak denggi diminta melibatkan diri dalam aktiviti gotong-royong dan kemasyarakatan yang dianjurkan pelbagai pihak bagi menghapuskan sarang pembiakan nyamuk aedes

Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chris Lee Chun Kit berkata, usaha gotong-royong yang dijalankan dapat membantu mencegah pembiakan nyamuk aedes sekaligus membendung penularan wabak demam denggi di negeri ini.

"Walaupun amalan ini sebenarnya sudah lama, namun masih terdapat segelintir masyarakat yang masih 'liat' untuk menggerakkan program-program seperti ini.

"Selain membersihkan kawasan sekitar agar tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk, ia juga mampu menghindar penyakit berjangkit lain seperti malaria dan kolera (taun)," katanya selepas merasmikan Program Gotong-Royong Bersama-sama Penduduk Mount Erskine di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis MBPP, Harvinder Singh.

Lebih 150 penduduk menyertai program anjuran secara bersama MBPP dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Mount Erskine.

Selain aktiviti pembersihan, penduduk turut meluangkan masa menyediakan juadah makan tengahari secara bergotong-royong.



**SALAH seorang sukarelawan mencantas semak samun di sekitar kawasan Mt. Erskine.**

# MBPP 'ubahsuai' unit rumah demi kemudahan OKU

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



SALAH sebuah tandas yang telah diubahsuai bagi kegunaan golongan OKU.



LIM Siew Khim (duduk) sambil ditemani para Ahli Majlis MBPP menunjukkan laluan longkang yang menjejaskan pergerakan golongan OKU pada lawatan beliau ke PPR Jalan Sungai di sii baru-baru ini.

**SUNGAI PINANG** – Prihatin dengan keperluan dan kemudahan golongan orang kurang upaya (OKU), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tampil mengubahsuai enam unit rumah menerusi Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai di sini.

Lanjutan itu, konsep rumah mesra OKU tersebut mendapat pujian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim yang mengadakan lawatan khas baru-baru ini.

Siew Khim berkata, proses pengubahsuaian dilaksanakan MBPP adalah mengikut spesifikasi dan piawaian yang bukan sahaja memudahkan mobiliti golongan berkenaan, tetapi juga selamat.

"Reka bentuk rumah selepas pengubahsuaian adalah lebih luas berbanding yang sedia ada termasuk di ruang dapur, tandas serta ruang tamu.

"Iaitu, ruang-ruang tersebut turut dilengkapi dengan pemegang besi bagi memudahkan pergerakan OKU," katanya pada lawatan tersebut di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Majlis MBPP, Joseph Ng Soon Siang, Lim Boon Beng, Chris Lee Chun Kit, Tan Chiew Choon dan Dr. Tan Kim Hooi.

Proses pengubahsuaian berkaitan menelan belanja antara RM35,000 hingga RM58,000 seunit bergantung pada keperluan OKU terbabit.

Perkembangan tersebut, jelas Siew Khim, menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan keperluan dan kemudahan golongan OKU dan tidak pernah meminggirkan mana-mana pihak dalam projek pembangunan negeri.

## Baucar Deepavali untuk golongan istimewa



STEVEN Sim Chee Keong (tiga dari kanan) menyerahkan sumbangan baucar kepada salah seorang penerima pada majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.

Gambar : **G. REVATIC**

**BUKIT MERTAJAM** – Sejumlah RM10,500 baucar tunai diagihkan kepada 105 penganut agama Hindu terpilih termasuk golongan ibu tunggal sempena sambutan Deepavali baru-baru ini.

Sumbangan tersebut disampaikan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong di Taman Seri Maju di sini.

"Saya berharap pemberian baucar tunai ini sedikit sebanyak membantu menerangi sambutan perayaan Deepavali golongan memerlukan.

"Penerima boleh menggunakan 'duit raya' (baucar) tersebut untuk membeli barang-barang keperluan di pasar raya terpilih," ucapnya pada majlis berkaitan.

Selaras itu, Chee Keong turut mengumumkan sumbangan pihaknya kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Persatuan Kebajikan Ayirathil Oruvan Ithayakani M.G.R Pulau Pinang bernilai RM3,000 bagi membolehkan entiti berkenaan melaksanakan aktiviti tahunan khususnya melibatkan masyarakat India di sini.



SEBAHAGIAN penerima menunjukkan sumbangan baucar yang diterima.



WONG Hon Wai (berbaju merah) bersama-sama Ramkarpal Singh dan Zairil Khir Johari bergambar kenangan dengan para penerima Majlis Penyampaian Sumbangan Deepavali di sini baru-baru ini.

## 120 terima sumbangan Deepavali

**AIR ITAM** – Sempena sambutan Hari Deepavali, seramai 120 individu terpilih sekitar kawasan Happy Valley di sini menerima sumbangan hamper berupakan barangan makanan harian daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai baru-baru ini.

Hon Wai berkata, sumbangan tersebut diharap dapat meringankan beban mereka yang terdiri daripada golongan warga emas, ibu tunggal dan keluarga kurang mampu.

"Pemberian ini mungkin nilainya kecil, tetapi saya berharap ia mampu membantu mereka yang memerlukannya,'' katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Deepavali di Dewan JKKK Happy Valley di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Happy Valley.

Oleh : **ME**




# Pertama di MALAYSIA

## Rakyat Pulau Pinang menikmati dividen kerajaan baik

Pertama di Malaysia

### One-Off:

**RM1,000** Urusan Jenazah

**RM1,000** IPTA

**RM200** Bayi dilahirkan di Pulau Pinang

Pelajar (Tahun 1 & 4, Tingkatan 1 & 4)

### RM100 / tahunan :

- Warga Emas
- Ibu Tunggal
- OKU
- Suri Rumah

**RM100 sebulan** Penarik Beca

**RM600 tahunan :** TEKSI Pemandu Teksi

Sumbangan pukat 2 kali setahun: Nelayan

*Tertakluk pada syarat